

**Bil. 30**

**Isnin  
8 Julai 1996**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b> Perutusan Daripada Dewan Negara	[Ruangan 1]
<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	[Ruangan 2]
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	[Ruangan 18]
<b>MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG UNTUK BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62</b>	[Ruangan 19]
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara 1996	[Ruangan 19]
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat	[Ruangan 62]
<b>UCAPAN PENANGGUHAN:</b> Kesesakan Serious Lalu Lintas Akibat Jambatan Terbengkalai Di Batu 4, Jalan Klang Lama— Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)	[Ruangan 62]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRS. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tajah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).

- Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).



- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M.,  
K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah  
Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah).

---

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Isnin, 8hb Julai, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)

PEMASYHURAN TUAN  
YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN  
NEGARA

**Tuan Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

"10hb Jun 1996.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN  
NEGARA KEPADA DEWAN  
RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No. 2) 1996;
2. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1996;

3. Rang Undang-undang Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1995;
4. Rang Undang-undang Pampasan Pekerja (Pindaan) 1995;
5. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pembubaran) 1995;
6. Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995;
7. Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 1995;
8. Rang Undang-undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 1995;
9. Rang Undang-undang Standard Malaysia 1995;
10. Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 1995;
11. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1996;
12. Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1996;
13. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1996;
14. Rang Undang-undang Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (Pindaan) 1996; dan
15. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1996.

Yang Ikhlas,

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA"

**JAWAPAN-  
JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PAMPASAN KEPADA  
PERSATUAN NELAYAN-  
PEMBINAAN TELAGA MINYAK  
PETRONAS**

**1. Tuan Abdul Rahim bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar dakwaan masyarakat nelayan tempatan bahawa kerajaan melalui Petronas akan membayar wang pampasan kepada persatuan-persatuan nelayan berhubung dengan kerugian dan kesusahan nelayan-nelayan untuk menangkap ikan di laut setelah telaga-telaga minyak dibina di kawasan tangkapan ikan. Sementara itu adakah benar tentang ura-ura bahawa Yayasan Nelayan Pahang yang telah ditubuhkan akan menguruskan peruntukan pampasan ini sebanyak RM5,000,000,000.00 (RM5 bilion).

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kawasan di sekitar 500 meter dari pelantar minyak dan gas yang sedang beroperasi adalah merupakan kawasan larangan yang diwartakan untuk menjamin keselamatan pelantar minyak dan gas, pekerja-pekerja dan orang awam. Kawasan ini merupakan kawasan merbahaya dan para nelayan adalah dilarang menghampiri dan memasuki kawasan tersebut bagi aktiviti penangkapan ikan demi untuk keselamatan mereka.

Dalam usaha mencari gali minyak dan gas di luar persisiran pantai di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, Petronas dan kontraktor perkongsian pengeluarannya akan menjalankan kajian eksplorasi sebelum diikuti oleh aktiviti pengeluaran. Aktiviti

tersebut termasuk perolehan data seismik, penggerudian telaga, pemasangan pelantar dan talian paip. Sebelum aktiviti tersebut dijalankan, Petronas dan kontraktor perjanjian perkongsian pengeluarannya akan memaklumkan kepada persatuan nelayan tempatan melalui Jabatan Perikanan Negeri, lokasi dan jangka masa yang diperlukan.

Berhubung dengan isu pampasan, Petronas dan kontraktor perjanjian perkongsian pengeluarannya akan hanya membayar pampasan sewajarnya kepada nelayan yang terlibat sekiranya bubu atau unjam mereka rosak, hilang, perlu dialih atau di potong akibat daripada aktiviti tersebut. Jumlah pampasan akan ditetapkan setelah dipersetujui menerusi perbincangan di antara pihak Petronas, Jabatan Perikanan dan Persatuan Nelayan Negeri yang berkenaan. Bayaran pampasan tersebut seterusnya akan dilaksanakan kepada nelayan-nelayan yang terlibat melalui Jabatan Perikanan Negeri. Pihak Petronas tidak pernah melantik pihak tertentu untuk menguruskan mana-mana peruntukan pampasan. Ura-ura bahawa Yayasan Nelayan Pahang akan menguruskan peruntukan pampasan adalah tidak benar.

**PEKERJA ASING—  
MENUBUHKAN AGENSI  
PENGAWAL**

**2. Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai pekerja asing di Malaysia dan memandangkan bahawa negara mempunyai hampir 1 juta orang pekerja asing (atau hampir 5% daripada penduduk negara):

- (a) adakah kerajaan akan menubuhkan satu agensi (seperti Foreign Workers' Task Force) untuk mengawal dan mengkaji tentang impak-impak sosio-ekonomi, kebudayaan, kesihatan dan keselamatan akibat daripada kewujudan sebilangan pekerja asing yang sangat besar di negara; dan

- (b) apakah pecahan bilangan pekerja asing mengikut negara asal, sektor dan kemahiran mengikut negeri-negeri di Malaysia.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan belum lagi bercadang menubuhkan satu agensi ataupun task force yang khas mengkaji tentang impak-impak sosio-ekonomi, kebudayaan, kesihatan dan keselamatan akibat daripada kewujudan pekerja asing di negara ini. Bagaimanapun, sebuah Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang dianggotai oleh beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri telah pun berfungsi hampir tiga tahun untuk menerima maklum balas tentang kegiatan-kegiatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tersebut. Jawatankuasa Kabinet ini pula akan dibantu oleh agensi-agensinya yang sedia ada termasuk Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Bahagian Keselamatan Negara di Jabatan Perdana Menteri, Polis Diraja Malaysia, Pasukan Petugas Pekerja Asing di Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain agensi yang berkaitan sentiasa membuat penilaian berterusan terhadap kesan-kesan kehadiran pekerja asing ini termasuk kepada aspek-aspek yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tersebut. Seterusnya, daripada penilaian-penilaian tersebut kerajaan telah dan akan membuat penyesuaian terhadap dasar-dasar berhubung pekerja asing ini.

- (b) Bilangan pekerja asing yang telah dikeluarkan Pas Lawatan Pekerja Sementara (PLKS) mengikut negara asal dan sektor dalam negeri-negeri di Malaysia sehingga 1hb Mei, 1996 adalah seperti berikut:

<i>Negara Asal</i>	<i>Bilangan orang</i>
Indonesia	253,797
Bangladesh	146,881
Filipina	25,885
Thailand	3,883
Pakistan	4,106
Lain-lain	5,612
<b>Jumlah</b>	<b>440,164</b>

  

<i>Mengikut Sektor</i>	<i>Bilangan Orang</i>
Pembantu Rumah	68,548
Perkilangan	198,379
Perladangan	74,228
Pembinaan	69,243
Perkhidmatan	10,598
Lain-lain	19,168

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat baru-baru ini yang mengatakan bahawa pihak majikan boleh mendapatkan pekerja-pekerja di pusat-pusat tahanan. Apa yang ingin saya tahu, berapakah pekerja-pekerja di pusat tahanan yang telah dimohon oleh pihak majikan-majikan, dan berapakah pendatang asing tanpa izin di dalam tahanan sekarang ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kebenaran untuk mengambil pekerja-pekerja daripada depo-depo imigresen tertakluk kepada pengesahan yang dibuat oleh Pasukan Petugas Pekerja Asing, Kementerian Dalam Negeri. Walau individu ataupun merupakan majikan kilang dan perladangan,

setelah mendapat persetujuan, maka satu surat khas akan dikeluarkan oleh PPPA untuk majikan atau orang-orang perseorangan pergi ke depo-depo untuk memilih pekerja-pekerja yang kita sukai, hendak pekerja Bangladeshkah, Indonesiakah, Thailandkah, Filipinakah, yang hitamkah, yang putihkah, boleh pilihlah, yang lawakah, yang hodohkah, minta maafah. (*Ketawa*).

Dalam satu masa, di depo-depo imigresen yang bilangannya 8 di seluruh negara kita menempatkan 11,000 lebih pendatang-pendatang tanpa izin yang kita tangkap. Setakat hari ini, kita telah meluluskan hampir 4,500 orang yang telah dipohon oleh majikan-majikan untuk diambil daripada depo tersebut.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sukalah saya bertanya di sini bahawa kita mempunyai banyak tahanan di pusat-pusat serenti, dan kita tidak mempunyai pekerja-pekerja di negara kita ini, kita ambil pekerja-pekerja daripada luar. Tidakkah Timbalan Menteri berkenaan merancang supaya yang ditahan di pusat-pusat serenti ini keluar bekerja di estet dan dijaga rapi oleh polis-polis?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang berminat untuk kita mengatakan bahawa mereka yang berada di pusat serenti ini merupakan tahanan, tetapi mereka merupakan pelatih-pelatih. Kalau saudara-mara kita yang dilatih di sana disebut sebagai orang tahanan mungkin tak sedap didengar. Yang paling pentingnya kita letakkan mereka di pusat serenti bukan untuk bekerja, tetapi untuk dipulih, untuk dijadikan manusia biasa seperti kita. Jadi, kalau ada daripada mereka ini yang telah diberi kerja, ini merupakan

'secondary' atau perkara kedua untuk 'rehabilitation' lanjut untuk mengenal masyarakat di luar. Jadi, saya tidak berapa setuju kalau mereka ini ditangkap, dimasukkan ke pusat serenti, dikerah untuk bekerja, kerana tujuan asal kita ialah untuk memulihkan mereka.

### BALAI POLIS MENJADI TEMPAT MENYIMPAN MOTOSIKAL DALAM KES

**3. Dr. G. Leelavathi (Kapar)** minta Menteri Dewan Negeri menyatakan adakah beliau sedar hampir di semua balai polis di negara kita terdapat bilangan besar motosikal-motosikal yang dalam kes polis terkumpul di perkarangan kawasan balai polis ini. Ada yang telah bertahun-tahun berada di sana dan menjadi berkarat dan jahanam kerana terdedah kepada cuaca dan alat-alatnya (parts) hilang dengan sendiri. Apa tindakan yang beliau ambil supaya kawasan balai polis lebih elok dipandang, dan mengurangkan bilangan motosikal yang disimpan di situ.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, memang terdapat motosikal yang dalam kes polis di perkarangan balai polis. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana perkarangan balai polis tidak mempunyai ruang khusus untuk menyimpan motosikal-motosikal ini. Keadaan ini terjadi disebabkan oleh:

- (i) motosikal terpaksa ditahan kerana bersangkutan dengan siasatan polis sama ada kes trafik atau jenayah;
- (ii) motosikal ditahan untuk menentukan keputusan mahkamah siapa yang berhak dalam sebarang tuntutan hak milik motosikal ini;

- (iii) nombor enjin dan chasis motosikal telah dipinda atau diubahsuai dan tidak dapat dipastikan nombor asalnya;
- (iv) motosikal ditahan untuk pemeriksaan oleh Jabatan Kimia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain;
- (v) motosikal tersebut tidak dituntut oleh kerana gagal mengesan pemiliknya, kerosakan motosikal yang serius dan motosikal tersebut telah dijual tanpa membuat pindah hak milik dengan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Tindakan sewajarnya telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah ini dengan mengesan pemilik sebenar motosikal-motosikal ini selaras dengan seksyen 22 Akta Polis dan bagi kes kemalangan yang tidak serius dan tidak melibatkan kenderaan, motosikal terlibat akan dipulangkan kepada pemilik.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut penglihatan memang terdapat banyak kenderaan motosikal yang ditahan bersangkutan dengan masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu, dalam tempoh tiga tahun yang lalu berapakah jumlah kenderaan motosikal berkenaan yang dilelong bagi seluruh negara dan berapakah jumlah kutipan ringgit Malaysia yang diperolehi?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan asal tidak ada menyebut fasal lelong, saya mohon notis dalam perkara ini.

#### SURAT LAYANG TERHADAP BADAN KEHAKIMAN— SIASATAN

**4. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)** minta Perdana Menteri menyatakan keputusan serta sama ada beliau akan membentangkan satu kertas putih mengenai penyiasatan ke atas surat layang setebal 33 muka surat tentang Badan Kehakiman, nyatakan juga sama ada penyiasatan tersebut ada menangani juga tuduhan mengenai kebenaran konon berlakunya tingkah laku rasuah oleh hakim-hakim yang disebut nama mereka selain dari mengenal pasti identiti penulis/penyedar surat layang berkenaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Chong Kah Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, siasatan mengenai surat layang setebal 33 muka surat tentang badan kehakiman tertumpu kepada aspek-aspek yang berikut:

- (i) mencari penulis surat layang itu;
- (ii) menentukan sama ada kenyataan yang terdapat dalam surat layang itu adalah benar; dan
- (iii) mencari siapa yang mengedarkan surat layang itu.

Agensi yang terlibat dalam penyiasatan itu ialah pihak polis dan Badan Pencegah Rasuah. Siasatan-siasatan mengenai surat layang dan untuk menentukan sama ada kenyataan yang terdapat dalam surat layang itu adalah benar atau tidak, telah selesai.

Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara akan mengambil tindakan mengikut undang-undang apabila laporan lengkap tentang siasatan-siasatan itu telah disediakan oleh pegawai-pegawai Jabatan Peguam Negara. Pada masa ini, keputusan

tentang sama ada kertas putih akan diadakan atau tidak oleh Perdana Menteri tidak timbul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hasil daripada siasatan, betapa luas pengedaran surat layang ini, dan dalam siasatan berapa orang hakim disiasat. Adakah perletakan jawatan seorang hakim Yang Ariff Idid ada hubung kait dengan perkara ini?

**Datuk Chong Kah Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini seperti yang saya katakan tadi masih dikaji oleh Peguam Negara yang setakat ini adalah premature untuk saya membuat apa-apa jawapan iaitu sebelum waktunya. Kita akan menunggu keputusan oleh Tan Sri Peguam Negara.

**Tuan Noh bin Omar:** Soalan tambahan. Baru-baru ini dalam kenyataan akhbar, Peguam Negara telah beberapa kali membuat kenyataan iaitu untuk menanggungkan mengenai isu penyiasatan surat layang ini. Saya ingin mendapat penjelasan, mengapakah Peguam Negara begitu berminat untuk membuat pengumuman mengenai siasatan surat layang ini dan apakah perlu siasatan surat layang ini diumumkan kepada orang ramai?

**Datuk Chong Kah Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya tidak tahu bagaimana Peguam Negara berminat di dalam kes ini tetapi saya rasa Peguam Negara akan membuat satu keterangan tentang kes ini kerana kes ini adalah menarik perhatian secara umum.

#### **SURI RUMAH TANGGA BEKERJA TETAP/SAMBILAN— CADANGAN**

**5. Dato' Hew See Tong (Kampar)** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan walaupun masalah ke-

kurangan pekerja dapat diatasi sementara dengan kemasukan pekerja-pekerja asing, masalah sosial, pendudukan haram dan pengaliran keluar wang ringgit tertimbul pula ekoran daripada itu. Adakah kementerian sedia melatih suri-suri rumahtangga sebagai pekerja tetap atau sambilan serta memanjangkan umur bersara sehingga 60 tahun.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, kesan-kesan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar misalnya masalah sosial dan pendudukan haram serta pengaliran keluar wang ringgit ekoran kehadiran ramai pekerja rakyat asing, baik yang masuk secara sah mahupun secara tidak sah, di negara kita mendapat perhatian rapi oleh kerajaan.

Saya tidak bercadang untuk menghuraikan langkah-langkah yang diambil secara detail kerana ini akan mengambil masa. Namun demikian, saya ingin menyatakan bahawa kerajaan melalui Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan sebagainya mengambil tindakan berterusan menangani isu-isu yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, seruan kerajaan supaya suri-suri rumah memasuki pasaran buruh sama ada sebagai pekerja tetap atau pekerja sambilan adalah di antara langkah untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh di negara ini, di samping mengurangkan penggantungan kita kepada tenaga buruh asing. Suri-suri rumah yang telah mendapat pekerjaan bolehlah menjalani sambil bekerja atau secara intensif melalui majikan



masing-masing menggunakan kemudahan latihan awam, misalnya di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam. Selain itu, majikan-majikan sektor industri berkenaan, khususnya perkilangan dan perkhidmatan boleh menggunakan kemudahan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia untuk melatih suri-suri rumah yang mereka lantik secara tetap atau sambilan. Sehubungan ini, majikan-majikan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia boleh memohon geran latihan untuk menghantar mereka menjalani latihan-latihan yang sesuai. Latihan boleh diadakan secara latihan dalaman, latihan tempat pekerjaan, di luar tempat kerja, latihan luaran dan latihan di luar negeri.

Pada masa yang sama, Kementerian Sumber Manusia juga sedang mengkaji meminda Akta Kerja 1955 untuk memantapkan lagi peruntukan-peruntukan berkaitan bagi menggalakkan majikan supaya berminat menggaji pekerja-pekerja bekerja secara separa masa dan melaksanakan waktu kerja anjal (*flexi time*). Pindaan yang dicadangkan itu sementara menjaga kepentingan para majikan turut akan memelihara faedah dan perlindungan para pekerja yang bekerja separa masa atau menggunakan waktu kerja anjal, tanpa menghakis faedah-faedah yang sedang dinikmati oleh pekerja penuh masa.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dikenal pasti sebab-sebab penduduk tempatan tidak berminat untuk bekerja sehingga memerlukan kita menampung masalah itu dengan pekerja-pekerja asing dan apakah cara untuk mengatasinya?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Memang kita terdapat di sesetengah tempat rakyat kita yang

kurang berminat untuk bekerja penuh masa ataupun kerja berlebihan dan ini memanglah satu masalah yang kerajaan sedang berikhtiar sedaya upaya untuk memujuk mereka supaya pergi bekerja sepenuh masa. Ini memang satu masalah yang berterusan.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, ditekankan tadi oleh Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa negara kita menghadapi kekurangan pekerja. Tetapi adakah pihak kementerian pernah menjalankan satu kajian yang dalam untuk menentukan berapa sebenarnya kekurangan pekerja dan dengan itu kita dapat mengenali berapa banyak pekerja asing yang perlu diambil supaya satu sistem yang sistematik, satu cara yang sistematik dapat diambil daripada sekadar sepertimana yang dilakukan supaya majikan boleh mengambil pekerja daripada pusat-pusat tahanan. Ia tidak terkawal, tidak sistematik dan semuanya *ad-hoc*. Adakah sistem yang dikenal pasti jumlah yang diperlukan, maka dengan itu sistem yang lebih teratur dapat untuk merekodkan mereka?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memang mustahil untuk kita mengenal pasti dengan tepat jumlah pekerja yang diperlukan setiap masa kerana ianya selalu berubah-ubah. Ini bergantung kepada pelaburan dari luar, perkembangan ekonomi dan sebagainya. Jadi, oleh sebab itu maka sudah tentulah angka-angka itu akan berubah-ubah dari semasa ke semasa dan kita perlu penyelesaian yang berubah-ubah juga.

#### DASAR PENSWASTAAN— PEMBERIAN KONTRAK

6. **Datuk Song Swee Guan (Bandar Kuching)** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada polisi untuk menswastakan perkhidmatan-perkhid-

matan tertentu seperti perawatan air buangan, pemungutan dan pelupusan sampah serta buangan toksid di peringkat kebangsaan ialah dengan memberi kontrak kepada syarikat yang sama atau syarikat-syarikat yang terdapat di seluruh negara. Sekiranya tidak, adakah Kerajaan Pusat akan mempertimbangkan penyertaan syarikat swasta di peringkat negeri untuk mengambil alih perkhidmatan berkenaan sama ada secara persendirian atau usaha sama dengan yang beroperasi di peringkat kebangsaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Azmi bin Khalid):** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat keputusan bahawa projek-projek penswastaan bagi perkhidmatan pemungutan dan pelupusan sampah dan buangan toksid diswastakan di peringkat kebangsaan/Pusat. Manakala bagi perkhidmatan perawatan air buangan, kerajaan sedang meneliti cadangan daripada pihak swasta untuk dilaksanakan secara penswastaan. Keputusan kerajaan tersebut berasaskan kepada faktor-faktor seperti daya maju (viability) projek, modal yang terlibat adalah besar, teknologi yang digunakan dan bagi membolehkan elemen subsidi silang (cross subsidy) dilaksanakan. Dalam hubungan ini, kerajaan telah mengambil kira bahawa projek-projek berkenaan hanya akan berdaya maju sekiranya dilaksanakan sebagai projek diperingkat nasional atau dilaksanakan mengikut wilayah berbanding dengan pelaksanaan yang dibuat secara kecil-kecilan mengikut negeri-negeri.

Begitu juga pendekatan kerajaan dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan pelupusan sisa toksid, sisa pepejal/sampah dan juga air buangan kumbahan memerlukan penggunaan teknologi terkini yang lebih sistematik dan menyeluruh yang

memerlukan pengenalan teknologi berkenaan di peringkat nasional. Pengenalan teknologi yang sedemikian memerlukan perbelanjaan yang besar dan sudah tentu adalah tidak sesuai dan tidak berdaya maju untuk dilaksanakan secara kecil-kecilan mengikut negeri-negeri.

Bagi penswastaan sisa pepejal seluruh negara umpamanya walaupun penswastaan yang diberikan kepada satu konsortium bagi setiap wilayah iaitu Wilayah Utara, Wilayah Tengah dan Timur, Wilayah Selatan dan Wilayah Sabah dan Sarawak termasuk Labuan tetapi sudah mengambil kira penyertaan kontraktor-kontraktor di negeri-negeri berkenaan dalam melaksanakan projek ini.

#### **EON QUEUE DAN EON OTOMART—FUNGSI**

**7. Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah fungsi EON Queue dan EON Otomart yang akan ditubuhkan oleh EON dan bilakah ia akan mula beroperasi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, EON Queue merupakan salah satu strategi bagi memantapkan penglibatan EON di dalam bidang pemasaran kereta terpakai.

Kereta-kereta terpakai Proton akan dibaik pulih sebagai dengan izin, EON Quality Cars, setelah menjalani pemeriksaan dengan izin, 140 Points Check di pusat-pusat servis EON yang terpilih.

EON Otomart pula merupakan pusat tiga dalam satu di mana sebahagian daripada produk keluaran EON akan dipasarkan berlandas konsep pasar raya secara francais.

Antara gabungan produk yang akan dipasarkan di pusat ini ialah kerana kereta terpakai Proton yang telah dibaik pulih, alat-alat ganti serta aksesori Proton dan perkhidmatan penyelenggaraan kereta yang ringkas atau dengan izin, fast service. Pusat ini akan diwujudkan di bandar-bandar utama seluruh negara. EON Queue dan EON Otomart ini dijangka akan dilancarkan dalam suku tahun ketiga tahun 1996.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, akhir-akhir ini ada ura-ura harga Proton akan diturunkan. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan, bilakah harga itu akan turun dan adakah ia akan turun secara mendadak atau berperingkat-peringkat dan bolehkah kita beri jaminan ia tidak akan naik balik?

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan laporan media mengenai penurunan harga kereta Proton, saya ingin menjelaskan bahawa segala-galanya hanya akan dilaksanakan selepas langkah terbaru pengurangan kos dijalankan oleh Pengurusan Automobol Nasional Berhad.

Penurunan kos akan tercapai melalui pengurangan kos komponen yang lebih rendah dan peningkatan proses pengeluaran. Memandangkan penurunan kos itu akan mengambil masa yang agak lama untuk dilaksanakan sepenuhnya, EON telah memaklumkan bahawa pengurangan harga kereta Proton tidak akan berkuatkuasa serta-merta.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen

mengatakan bahawa harga kereta ini akan turun oleh kerana kos komponen akan turun dan apa yang kita dengar dalam media massa, penurunan kos komponen ini semuanya adalah datang daripada komponen yang dibuat oleh pengeluar tempatan.

Saya hendak bertanya bagaimana komponen yang diimport? Kita tidak mahu nanti yang diturunkan hanya kepada komponen tempatan, tetapi asas peningkatan harga adalah asas kos yang tinggi oleh kerana komponen harga yang amat tinggi adalah diimport dari Jepun. Apakah perancangan syarikat ini untuk mempelbagai, menambahkan lagi ataupun membeli komponen-komponen yang tinggi harganya di dalam Yen ini dari Jepun daripada pembelian-pembelian negara yang lain ataupun dibuat secara tempatan supaya mengurangkan kos daripada luar negara ini.

**Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklumkan terdahulu, komponen-komponen dalam kereta Proton sebanyak 75% adalah terdiri daripada komponen tempatan. Jadi, komponen-komponen import bergantung kepada harga Yen seperti mana yang dikatakan tadi. Lantaran itu, sekarang ini harga Yen adalah rendah. Tetapi apa yang kita harapkan bahawa sister companies atau companies yang kecil yang mengeluarkan komponen-komponen ini kita minta kalau boleh ditempatkan di Malaysia itu sendiri dan dengan itu kita rasakan bahawa komponen ini akan dapat direndahkan harganya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed.

*(Soalan No. 8—Y.B. Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed tidak hadir)*

**BUAH-BUAHAN SEGAR—  
KEJAYAAN DASAR  
PENGEKSPORTAN**

**9. Tuan Kamarudin bin Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah dasar kementerian mengenai pengeksportan buah-buahan segar dan yang diproses dan sejauh mana kejayaan pelaksanaan dasar tersebut; dan
- (b) apakah skim galakan kepada negeri-negeri untuk melaksanakan pengeluaran buah-buahan berorientasikan eksport dan adakah kementerian bercadang untuk mengklasifikasikan pengeluaran buah-buahan tempatan yang segar dan yang diproses berdasarkan negeri-negeri setelah mengenalpasti kesesuaian cuaca dan tanah.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dasar Kementerian Pertanian mengenai pengeksportan buah-buahan adalah bagi meluaskan dan meningkatkan pasaran eksport buah-buahan segar dan yang diproses di pasaran baru dan di pasaran yang sedia ada. Penekanan strategi pemasaran eksport buah-buahan adalah bagi meningkatkan permintaan, memperbaiki kualiti serta bekalan yang dapat memenuhi kehendak pengguna dan mewujudkan sistem pemasaran yang cekap.

Pendekatan dalam memperluaskan pasaran eksport buah-buahan termasuk aktiviti-aktiviti promosi pasaran, penyelidikan pasaran, mengatasi halangan dagangan, menentukan harga yang kom-

petitif dan kualiti yang baik, menyediakan insentif dan menggalakkan penyertaan sektor swasta.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, kadar eksport buah-buahan telah dapat ditingkatkan dari 167,018 tan metrik dalam tahun 1991 kepada 270,817 tan metrik dalam tahun 1995 iaitu peningkatan sebanyak 12 peratus setahun.

- (b) Untuk menggalakkan pengeluaran buah-buahan berorientasikan eksport, kawasan-kawasan tanaman yang tidak ekonomik akan dibaikpulih untuk dijadikan lebih komersil, produktif dan tersusun melalui projek dusun nukleus dan perladangan berkelompok, mini estet Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian akan memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal kepada pekebun-pekebun kecil serta menawarkan khidmat perundingan kepada usahawan-usahawan yang mengusahakan ladang buah-buahan. Untuk menggalakkan petani atau pekebun kecil menanam buah-buahan yang bermutu tinggi di bawah Skim Galakan Buah-buahan dengan anak pokok harga yang rendah iaitu RM1.00 sepokok telah diadakan.

Kementerian Pertanian juga mengezonkan kawasan buah-buahan mengikut jenis buah-buahan yang sesuai ditanam berasaskan kepada kesesuaian tanah dan iklim, seperti mangga, durian, rambutan, manggis, cempedak, langsung, nangka, limau dan pisang. Zon-zon kesesuaian ini perlu dijadikan garis panduan di dalam perancangan pembangunan industri buah-buahan negara.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berkaitan dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai bibit ataupun pokok-pokok yang berkualiti dan berharga RM1.00 sahaja.

Saya ingin bertanya, adakah ini boleh diperolehi oleh semua pekebun-pekebun kecil, termasuklah di negeri-negeri yang terpencil seperti Sabah dan Sarawak dan apakah tindakan kerajaan supaya program ini dapat diperluaskan kepada semua pihak yang memerlukan?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memang Jabatan Pertanian ada menyediakan anak-anak pokok, sebagaimana yang telah saya tegaskan. Selagi stok masih ada, selagi itu permintaan boleh dibuat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu merasmikan Desa Wawasan di Trans Perak atau Seberang Perak mengatakan bahawa tanah-tanah terbiar di seluruh negara akan diambil alih oleh kerajaan supaya dijadikan kawasan perladangan secara berkelompok ataupun komersil. Jadi, apakah persiapan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pertanian ke arah matlamat tersebut?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya memang peka dengan apa yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat dan sehingga ini kita telah mengenali kawasan-kawasan tanah terbiar yang terdapat di seluruh negara kita dan kita sedang mengenal pasti apakah jenis tanaman-tanaman yang sesuai dan di samping itu, kita juga telah

mengarahkan JPS supaya dapat mengeringkan perparitan di kawasan-kawasan tanah terbiar yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Parit dan Taliair. Namun demikian, terpujalah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri kerana bidang tanah ini adalah hak atau kuasa Kerajaan Negeri untuk memajukan tanah-tanah terbiar dengan bantuan Kementerian Pertanian.

#### PROGRAM INDUSTRI DESA— PERUNTUKAN

**10. Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan di bawah Program Industri Desa yang dilaksanakan semula tidak lama dahulu:

- (a) berapakah peruntukan telah disediakan setiap tahun; dan
- (b) apakah jenis industri yang dimasukkan dalam program ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' K. Kumaran):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peruntukan berjumlah RM190 juta telah diluluskan untuk pembangunan industri luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Daripada jumlah ini, sebanyak RM15.2 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek dalam tahun 1996.
- (b) Jenis-jenis industri yang digalakkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ialah industri-industri kecil dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan dalam sektor-sektor berikut:
  - (i) industri berasaskan elektrik, kejuruteraan elektrik dan kejuruteraan logam;

- (ii) industri berasaskan plastik, pembungkusan dan bukan logam;
- (iii) industri berasaskan sumber meliputi kayu, getah dan makanan;
- (iv) industri tekstil dan jahitan;
- (v) industri perkhidmatan terpilih meliputi perkhidmatan kejuruteraan dan mekanikal, perkhidmatan pengujian, perkhidmatan pengguna dan perkhidmatan pelancongan; dan
- (vi) industri berasaskan pertanian komersil dan penyelidikan.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana untuk membuat permohonan bagi kawasan luar bandar dan adakah permohonan ini boleh dibuat bagi kampung-kampung baru untuk meningkatkan industri di kawasan tersebut?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang kedua, ini hanya untuk di luar bandar tidak termasuk kampung baru. Bagi permohonan pertama, pada masa kini rancangan ini telah pun dibekukan.

Pada bulan Jun 1995 rancangan ini telah dibekukan untuk memberi lebih banyak lagi keberkesanan terhadap program ini. Kita juga mempunyai peraturan-peraturan yang baru dan tidak berapa lama lagi Yang Berhormat Dato' Menteri akan mengumumkan peraturan-peraturan baru dan permohonan baru akan dibuka, tetapi kita mesti mempunyai penghuni dahulu, di mana kita tidak

mempunyai penduduk di kampung baru. Rancangan ini juga khasnya untuk mewujudkan usahawan bumi-putera di luar bandar.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah 'beku' hendak cerita apa lagi? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian, cuma dalam RMK-6, banyak industri di luar bandar ini mengalami kegagalan. Ini mungkin disebabkan oleh permohonan-permohonan yang dibuat itu tidak dikaji secara mendalam. Pokok utamanya adalah disebabkan oleh pemasaran. Jadi, adakah kementerian dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini pertamanya akan mengkaji supaya pemasaran hasil dari keluaran-keluaran industri kampung ini mendapat tempat yang sewajarnya di samping kementerian juga akan memberi keutamaan kepada permohonan-permohonan yang menjadi vendor kepada syarikat-syarikat induk di dalam kawasan-kawasan yang berdekatan dengan kawasan luar bandar.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafikan, kita mempunyai banyak kelemahan, oleh sebab itu kita membuat cara yang baru. Sebelum sesuatu permohonan itu diluluskan, kita akan mengkaji latar belakang pemohon itu.

Sebagaimana yang kita tahu kadangkada ada tekanan dari pemimpin-pemimpin tempatan, orang yang tidak mempunyai pengalaman, tidak ada cukup modal pun kita terima juga kerana tekanan dari kawan-kawan. (*Ketawa*) Walau bagaimanapun, pada masa kini kita lantik pegawai-pegawai tertentu dan juga pada masa dahulu kita mempunyai hanya 2-3 orang pegawai untuk membuat

kawal selia di seluruh negara, tetapi pada masa kini kita bercadang untuk melantik tiap-tiap seorang pegawai yang mahir dan berpengalaman dalam industri itu untuk menjaga satu industri dan juga kita akan mengkaji secara mendalam latar belakang pemohon, pengalaman pemohon itu, juga kementerian akan membantu untuk memasarkan produk itu, oleh sebab itu janganlah bimbang! (Ketawa)

**Tuan Yang di-Pertua:** Rancangan ini telah dibekukan.

**AKTA OMBUDSMAN BAGI  
MENGGANTIKAN  
BIRO PENGADUAN AWAM—  
CADANGAN MEWUJUDKAN**

**11. Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Akta Ombudsman akan diperkenalkan supaya mewujudkan satu jabatan untuk menggantikan Biro Pengaduan Awam dan Jabatan Ombudsman dapat berfungsi lebih bebas untuk menyiasat aduan-aduan daripada orang ramai terhadap kepincangan pentadbiran kerajaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengkaji sistem Ombudsman dan Parliamentary Ombudsman yang diamalkan di beberapa negara dan telah membuat keputusan untuk mengadakan Biro Pengaduan Awam.

Kerajaan tidak berhasrat pada ketika ini untuk mengadakan Akta Ombudsman. BPA diberi kuasa pentadbiran melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 4/92 untuk menyiasat semua aduan mengenai kementerian, jabatan agensi kerajaan dan lain-lainnya di peringkat persekutuan dan negeri.

Hasil siasatan BPA dibentangkan pada satu jawatankuasa tetap pengaduan awam. Jawatankuasa ini membuat keputusan untuk merawat pulih perkhidmatan serta mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk menentukan supaya perkara sedemikian rupa tidak berulang lagi.

Sungguhpun BPA adalah satu agensi kerajaan, tetapi ianya diberi kebebasan untuk berfungsi dengan berkecuali, adil dan objektif dalam usaha memberi perlindungan kepada orang awam daripada tindakan salah tadbir, penyelewengan, salah guna kuasa dan kelewatan dalam Perkhidmatan Awam.

Kes-kes aduan dibincang oleh JKBPA untuk mencapai keputusan yang cepat dan adil. Tindakan follow-up dan follow-through diambil untuk menentukan semua keputusan JKBPA dilaksanakan sepenuhnya oleh jabatan berkenaan.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu bagaimanakah sambutan orang ramai dan juga pihak-pihak yang berkenaan di atas pembukaan pejabat-pejabat BPA di cawangan-cawangan Pantai Timur, Utara dan Selatan. Adakah kes-kes yang melibatkan kakitangan kerajaan di peringkat pengurusan tertinggi di dalam aduan-aduan pada tahun yang lepas dan apakah tindakan-tindakan yang telah dibuat ke atas aduan berkenaan?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada sambutan daripada orang ramai terhadap aduan-aduan yang dibuat kepada Biro Pengaduan Awam sama ada di Utara, Selatan, Timur dan Tengah. Contohnya pada tahun 1995, kita menerima sebanyak 4,573 aduan dan sehingga Jun, 1996 kita menerima sebanyak 1,016 aduan.

Walaupun keseluruhan aduan ini tidak kesemuanya berasas, tetapi pada tahun 1995 kita dapati sebanyak beberapa ratus daripada aduan itu adalah berasas dan setengahnya tidak berasas. Yang tidak berasas kadangkala surat layang dan tidak dapat menunjukkan bukti-bukti yang tepat di atas aduan mereka apabila disiasat.

Mengenai perkara-perkara yang mendapat aduan, kadangkala adalah beberapa kes termasuklah penyelewengan pegawai-pegawai yang menjalankan tugas. Setakat ini tidaklah ada pegawai tertinggi yang terlibat, tetapi beberapa orang pegawai tengah ataupun rendah telah kita ambil tindakan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan dan setengahnya mereka berhenti dengan sendiri apabila mereka terasa tidak dapat menjalankan tugas dengan begitu berjayanya. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Henrynus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi menjamin bahawa jabatan-jabatan kerajaan itu dapat berfungsi dengan secara berkesan untuk melayan masalah-masalah atau permintaan rakyat, salah satu masalah yang timbul di jabatan-jabatan kerajaan adalah rakyat yang tidak puas hati tidak tahu kewujudan Biro Pengaduan Awam (Public Complaint Bureau), biasanya mereka tidak yakin bahawa masalah dapat diselesaikan dan kadang-kadang terpaksa berjumpa dengan Ahli Parlimen untuk mengadu ataupun kadang-kadang masalah ini dibawa pergi berjumpa polis pula—jadi tidak kena-mengena. Soalan saya, adakah pihak kementerian telah mengambil langkah-langkah supaya memastikan bahawa makluman ataupun publisiti mengenai dengan kewujudan Biro Pengaduan Awam ini dilakukan secara meluas supaya setiap lapisan rakyat dapat mengetahui kewujudan jabatan ini dan

fungsi-fungsi yang dapat dilaksanakan supaya meyakinkan mereka bahawa aduan mereka itu akan diambil tindakan dan mereka akan mendapat jawapan yang cepat dan berkesan?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Sabah dan Sarawak dia mempunyai Biro Pengaduan Awam yang berasingan. Bagi negeri-negeri di sebelah sini memang kita menjalankan aktiviti untuk memberitahu pada orang ramai mengenai dengan BPA ini, iaitu tempat mereka untuk membuat pengaduan. Sebab itulah pada keseluruhannya ramai yang tahu, BPA juga menjalankan secara litaran iaitu kita datang ke tempat-tempat atau ke bandar-bandar kecil bahkan juga tempat-tempat di luar bandar bagi menjemput orang ramai supaya membuat aduan. Setakat ini apabila kita membuat tindakan ini memang ramai di antara mereka telah membuat aduan, walaupun kadangkala pada mulanya mereka tidak tahu tempat yang hendak mereka buat aduan. Tetapi apabila kita membuat litaran ini, mereka telah membuat berbagai-bagai aduan, bahkan kita juga mengeluarkan kertas edaran dan panduan mengenai Biro Pengaduan Awam. Ini juga kita beritahu apakah fungsi kita dan bagaimanakah membuat aduan serta berapa lama kita mengambil masa untuk mengambil tindakan-tindakan apabila mereka membuat aduan. Jadi, perkara ini memang kerajaan telah membuat tindakan yang sewajarnya.

#### **PELABUR TAIWAN MENARIK KELUAR PELABURAN DARI NEGERI PERAK—SEBAB**

**12. Dr. Yap Yit Thong (Lumut)** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan dalam beberapa bulan yang lalu, terdapat banyak pelabur dari Taiwan



telah menarik keluar pelaburan mereka dari negeri Perak. Kenapa pelabur tersebut telah buat begitu dan berapa orang telah meninggalkan Perak.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 16 tahun antara tahun 1980 hingga April 1996 hanya 7 buah projek perkilangan dari Taiwan yang telah menghentikan operasi mereka di negeri Perak. Angka ini hanyalah 5.7% daripada jumlah 123 projek yang diluluskan bagi tempoh yang sama yang dimiliki oleh pelabur-pelabur Taiwan di negeri Perak.

Aktiviti-aktiviti pengilang-pengilang bagi projek-projek yang telah berhenti beroperasi ini adalah pengeluaran peralatan elektronik dan elektrik, 'joss paper' dan kosmetik. Adalah pelbagai sebab yang kait-mengait mengapa projek-projek dari Taiwan berhenti beroperasi di negeri Perak.

Sebab-sebab tersebut ialah masalah pasaran eksport, kewangan dan teknikal. Adalah diperhatikan bahawa projek-projek yang telah berhenti beroperasi kebanyakannya adalah projek-projek bersaiz sederhana besar dengan bilangan pekerja di antara 37 hingga 200 orang dan projek-projek ini berorientasikan eksport.

Selain daripada projek-projek yang telah berhenti beroperasi, kedudukan semasa projek-projek pengilang Taiwan di negeri Perak ialah:

- (i) Projek-projek yang telah dilaksanakan iaitu dalam peringkat pengeluaran—75 buah;
- (ii) Projek-projek masih dalam peringkat perancangan aktif—28; dan

- (iii) Projek-projek yang telah diluluskan tetapi tidak berterusan—14.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lau Ngan Siew.

*(Soalan No. 13—Y.B. Tuan Lau Ngan Siew tidak hadir)*

#### **SKANDAL KEWANGAN PERWAJA—MEMBENTANG LAPORAN PRICE WATERHOUSE DI PARLIMEN**

**14. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan terbaru mengenai beberapa penyiasatan yang dijalankan ke atas skandal kewangan Perwaja kedua yang menyebabkan kerugian sebanyak RM2.9 billion serta liabiliti setinggi RM6.9 billion, dan sama ada kerajaan bersedia membentangkan di Parlimen Laporan Penuh Price Waterhouse sebagaimana yang pernah dilakukan oleh kerajaan terhadap Laporan Price Waterhouse mengenai skandal Bank Rakyat pada tahun 1978.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wong See Wah):** Tuan Yang di-Pertua, laporan pengurusan yang disediakan oleh Price Waterhouse telah dikemukakan kepada pihak polis dan Badan Pencegah Rasuah untuk siasatan lanjut. Sehingga kini, pihak polis dan Badan Pencegah Rasuah masih menjalankan siasatan dan belum mengemukakan sebarang laporan kepada pihak kerajaan.

Laporan yang disediakan oleh Price Waterhouse merupakan laporan audit pengurusan. Dengan demikian, kerajaan tidak berhasrat untuk membentangkan laporan penuh Price Waterhouse kerana ini mungkin akan menjejaskan atau menimbulkan prejudis ke atas penyiasatan berikutnya oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kerajaan telah memutuskan bahawa Perwaja akan diswastakan dan telah dikenal pasti syarikat berkenaan. Jadi, bagaimanakah kedudukan pada masa kini dan bilakah syarikat tersebut akan mengambil alih Perwaja?

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, dalam akhbar ada menyatakan bahawa mereka memohon jaminan daripada kerajaan. Jadi, adakah benar kerana kalau syarikat ini mengalami kerugian sekali lagi maka kerajaan juga akan menanggung kerugian? Jadi, adakah benar seperti yang disiarkan dalam akhbar bahawa syarikat ini akan memohon jaminan daripada kerajaan sebelum mereka mengambil alih pengurusan Perwaja?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, satu mesyuarat telah diadakan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 24hb Jun, 1996 bagi membincangkan kontrak pengurusan yang akan ditandatangani oleh kerajaan dengan konsortium. Mengenai detail itu, setakat ini masih dalam perbincangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya mengapakah pihak kerajaan tidak mahu mengumumkan laporan Price Waterhouse memandangkan bahawa Timbalan Perdana Menteri sendiri telah memberikan jaminan dalam Dewan yang mulia ini? Kalau begitu bukankah ini menunjukkan bahawa kerajaan ada sesuatu untuk menutup skandal Perwaja yang melibatkan kerugian RM3 bilion seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dan juga adakah pihak kerajaan sedar bahawa Tan Sri Eric Chia sendiri sehingga ke hari ini kita pun tak tahu ke mana dia pergi, Tan Sri

Eric Chia sendiri telah menyatakan kepada Jawatankuasa PAC bahawa semua kerugian yang dialami oleh Perwaja bukanlah timbul daripada kerugian nilai matawang Yen?

Kalau begitu, adakah pihak kerajaan sendiri akan mengambil tindakan terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh Tan Sri Eric Chia memandangkan ia bercanggah dengan penjelasan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, soal hendak menyembunyikan perkara ini adalah tidak timbul kerana perkara ini telah diumumkan kepada orang ramai, cuma hanya kerajaan percaya iaitu laporan audit pengurusan Price Waterhouse itu adalah tidak patut dikeluarkan setakat ini oleh kerana seperti yang saya katakan itu mungkin difikirkan akan menjejaskan dan menimbulkan prejudis ke atas penyiasatan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Sama ada Eric Chia berada di sini, saya percaya kita adalah mempunyai pihak yang tertentu untuk menentukan Eric Chia sama ada beliau masih berada di sini ataupun tidak ada di dalam negeri kita.

Berkaitan dengan sama ada kerugian dalam nilai wang itu, seperti yang telah saya katakan, perkara itu kita serahkan kepada penyiasatan polis dan pihak Pencegah Rasuah untuk menentukannya.

#### PENYAKIT TAUN—TINDAKAN KAWALAN

15. **Dr. G. Leelavathi (Kapar)** minta Menteri Kesihatan menyatakan perkembangan penyakit taun yang melanda Pulau Pinang baru-baru ini. Adakah penyakit taun ini tidak merebak ke negeri-negeri lain.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala tindakan kawalan telah diambil untuk membendung wabak penyakit tersebut yang berlaku di Pulau Pinang dalam masa yang singkat. Kementerian Kesihatan telah pun mengisytiharkan seluruh negara bebas daripada wabak taun pada 11hb Jun, 1996.

Penyakit taun akan merebak ke negeri-negeri lain jika berlaku pergerakan pesakit yang tidak dikesan ataupun pergerakan pembawa kuman taun. Hasil siasatan aepedineology telah menunjukkan bahawa kes-kes yang dilaporkan dari negeri-negeri lain adalah berkaitan dari segi pendedahan dengan wabak penyakit taun yang berlaku di Pulau Pinang.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa sebabnya berlaku penyakit taun di negeri-negeri yang berkenaan?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, taun berlaku di negeri-negeri yang berkenaan adalah disebabkan sumber punca penyakit itu telah dibawa oleh primary source yang infected dan oleh sebab itulah berlaku penyakit itu di negeri-negeri lain kerana punca penyakit itu bermula di Pulau Pinang di kalangan guru-guru pelatih di sebuah maktab.

**Tuan Henrymus Amin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan penyakit cholera ini ataupun taun telah dikatakan tadi bahawa sudah diisytiharkan bahawa negara ini bebas. Namun demikian, kita mempunyai kes-kes di Sabah terutamanya bahawa taun ini timbul dalam tempat-tempat yang tertentu yang

biasanya kita tidak sangka. Jadi, adakah kemungkinan sourcenyanya ini daripada negeri-negeri lain di dalam negeri ini ataupun di kalangan pendatang-pendatang yang datang yang tanpa 'medical screening' dan mengakibatkan bahawa taun ini timbul dari semasa ke semasa walaupun pihak kementerian, setahu saya telah berusaha untuk cuba menghapuskannya?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, kes-kes taun yang berlaku secara berasingan itu adalah kes-kes yang isolated (berasingan) dan tidak berkait dengan soal jangkitan sebagai wabak kerana ini memang dikesan oleh pejabat kesihatan peringkat negeri atau daerah di mana sebabnya adalah hasil daripada penyiasatan epidermoidiane yang biasanya dilakukan oleh pegawai kesihatan setempat.

#### MAKTAB PERGURUAN— RANCANGAN PENGKHUSUSAN

16. **Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah (Tambun)** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang rancangan terbaru kementerianya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh mengenai mewujudkan maktab-maktab perguruan dengan pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu seperti sains dan kejuruteraan, sains komputer dan teknologi maklumat, sains pengurusan dan pentadbiran, bahasa-bahasa dan sastera dan kemahiran hidup.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 6 buah maktab perguruan dijangka siap dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kement-

terian Pendidikan tidak bercadang untuk menjadikan mana-mana maktab perguruan yang dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebagai pusat latihan guru yang khusus dalam bidang-bidang tertentu. Namun begitu beberapa maktab yang mempunyai kepakaran dari segi tenaga pengajar dan prasarana yang sesuai menjalankan latihan dalam bidang-bidang tertentu seperti pengajian sains dan matematik di Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang, sains dan teknologi di Maktab Perguruan Teknik, bahasa Inggeris di Maktab Perguruan Ilmu Khas, pengajian bahasa dan kesusasteraan Melayu di Institut Bahasa, pengajian sains dan matematik di Maktab Perguruan Sains Bintulu, pengajian sains matematik dan kemahiran hidup di Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim dan Pengajian Islam dan bahasa Arab di Maktab Perguruan Islam.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya teringat tentang kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dua minggu yang lepas di dalam akhbar yang menyatakan tidak ada keistimewaan yang dipertimbangkan kepada guru-guru sandaran untuk memasuki maktab perguruan. Adakah kementerian sedar bahawa dengan tidak adanya pertimbangan yang sedemikian, telah mengurangkan minat guru-guru sandaran tersebut di masa-masa akan datang cuba memohon untuk menjadi guru pelatih. Dan adakah cadangan kementerian untuk melihat semula bahawa pengalaman guru-guru sandaran tersebut adalah merupakan satu syarat yang boleh kita pertimbangkan bagi menambah minat dan bilangan orang ramai ataupun pelajar-pelajar untuk memasuki maktab-maktab perguruan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar akan sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh guru-guru sandaran tidak terlatih ataupun guru-guru GSTT ini dan kita juga memberikan penekanan kepada soal mutu ataupun kualiti di dalam setiap gerak kerja yang kita buat di dalam kementerian ini. Namun demikian, jika sekiranya mereka mempunyai syarat-syarat seperti yang digariskan, setiap permohonan yang sampai itu sentiasa diberikan penelitian yang cermat dan apa sahaja keputusan yang kita buat tidaklah boleh hendak kita korbakan soal mutu yang kita tekankan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

*(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8, 13 dan 17 hingga 67 akan dijilid dalam buku berasingan)*

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA GETAH MALAYSIA (PERBADANAN) 1996

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958, Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966, Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia 1972, Akta Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah 1949 dan Akta Pendaftaran Eksport Getah 1966; untuk membubarkan

Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia, Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan Lembaga Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia; untuk menubuhkan Lembaga Getah Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan untuk membuat peruntukan yang lebih baik berkenaan dengan industri getah Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PASARAN GETAH  
MALAYSIA (PERBADANAN)  
(PINDAAN) 1996**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pasaran Getah Malaysia (Perbadanan) 1962; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**MENARIK BALIK RANG  
UNDANG-UNDANG UNTUK  
BACAAN KALI YANG KEDUA  
DAN KETIGA DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 62**

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon menarik balik DR4/96, Rang Undang-undang Akta Angkatan Tentera 1972 untuk Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga seperti yang tertera di No. 4 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
LEMBAGA AKREDITASI  
NEGARA 1996**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.38 ptg.*

**Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Akreditasi Negara dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsinya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan adalah untuk mengadakan perundangan bagi mewujudkan sebuah badan yang akan bertanggungjawab untuk membuat penilaian terhadap standard kualiti kursus pengajian dan program latihan institusi pendidikan tinggi swasta di negara ini.

Cadangan Rang Undang-undang ini merupakan kesinambungan kepada usaha bagi melaksanakan reformasi pengurusan pendidikan tinggi di negara ini yang dimulai dengan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta yang telah diluluskan oleh persidangan Parlimen dalam mesyuarat yang lepas. Melalui Akta MPTN akan tertubuhlah sebuah badan yang bertanggungjawab untuk mengubal dasar pendidikan tinggi secara keseluruhan yang meliputi institusi pendidikan tinggi awam dan swasta.

Sementara itu Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta digubal untuk memastikan supaya penubuhan

dan operasi IPTS di negara ini berjalan dengan lancar dan teratur selaras dengan keperluan negara. Melalui Akta ini akan diwujudkan sebuah mekanisme pengawalan dan penilaian standard kualiti kursus pengajian dan program latihannya bagi mencapai maksud di atas. Walau bagaimanapun, perlu diambil perhatian bahawa sehingga peraturan-peraturan yang sedia ada dipinda, peranan Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan yang diurusetiaikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam akan kekal. Ini adalah kerana jawatankuasa ini berfungsi sebagai badan yang memberi nilai taraf terhadap diploma dan ijazah IPT tempatan dan luar negeri bagi tujuan perlantikan ke jawatan-jawatan di dalam Perkhidmatan Awam.

Sebagaimana yang kita dapat perhatikan, perkembangan pendidikan tinggi di negara ini memang ketara semenjak beberapa tahun yang lepas. Pertumbuhan ini akan menjadi lebih pesat lagi dengan wujudnya Akta IPTS yang menjadi pemangkin kepada penyertaan swasta dalam bidang pendidikan tinggi.

IPTS baru yang merangkumi universiti swasta bersama institusi swasta yang sedia ada akan menjalankan pelbagai kursus pengajian dan program di peringkat sijil, diploma dan ijazah serta juga program-program berkembar dengan universiti luar negeri.

Pada masa yang sama IPT awam akan terus berkembang dengan lebih pesat untuk menyediakan kursus pengajian dan program-program baru. Usaha ke arah ini adalah sejajar dengan matlamat IPT awam untuk memantapkan dan menilai semula program-program sedia ada serta memperluaskan peluang kemasukan

pelajar di peringkat ijazah. Perkembangan pendidikan yang pesat sewajarnya memerlukan pemantauan dan penilaian yang berterusan supaya kualiti pendidikan tinggi di IPT swasta terjamin.

Pada masa ini penyeliaan dan pengawasan standard pendidikan di institusi pendidikan awam adalah menjadi tanggungjawab pihak institusi itu sendiri di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. LAN apabila ditubuhkan buat permulaan akan bertindak sebagai badan penilai dan penentu kualiti bagi institusi pendidikan tinggi swasta. Proses pengiktirafan yang akan dimainkan olehnya dijangka akan mewujudkan tahap dayasaing yang tinggi di antara institusi-institusi pendidikan tinggi swasta khususnya. Secara tidak langsung akan wujud budaya pendidikan cemerlang di kalangan institusi-institusi pendidikan tinggi awam dan swasta amnya. Sebagai langkah jangkamasa panjang mungkin terdapat keperluan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 bagi merangkumi tugas-tugas akreditasi terhadap institusi pendidikan tinggi awam amnya bagi memastikan supaya kualiti pendidikan di kedua-dua institusi pendidikan tinggi awam dan swasta terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, LAN akan bertanggungjawab bagi menjamin kualiti pendidikan tinggi di negara ini dan seterusnya membolehkan proses pengiktirafannya dijadikan asas pengiktirafan pada peringkat antarabangsa. Halatuju ke arah ini adalah amat penting bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di rantau ini. Ini akan memenuhi hasrat kerajaan untuk memastikan supaya pendidikan tinggi dijadikan sebagai komoditi eksport penting negara ini dan mencerminkan pengiktirafan bidang pendidikan sebagai sebuah industri.

Berikutan daripada perkembangan pendidikan tinggi yang begitu pesat, wajar diwujudkan satu badan autonomi yang mempunyai kepakaran dan kewibawaan untuk mewujudkan serta mengendalikan sistem akreditasi secara bebas dan bermutu tinggi. Penubuhan LAN akan memenuhi keperluan ini. Perkembangan ke arah ini merupakan suatu keadaan yang amat penting dalam kemajuan negara untuk mencapai status negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi 60 fasal. Antranya terdapat fasal yang memperuntukkan kuasa berhubung fungsi utama seperti berikut:

- (i) menetapkan, menyelia, mengkaji dan mengkajiselia tahap dan kualiti untuk akreditasi sijil-sijil, diploma-diploma dan ijazah-ijazah yang dikeluarkan oleh IPTS;
- (ii) menetapkan, menyelia, mengkaji dan menasihati Menteri Pendidikan mengenai tahap minimum dan kualiti kursus pengajian dan program latihan yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma dan ijazah IPTS;
- (iii) membuat syor kepada Menteri Pendidikan untuk memberi kelulusan kepada IPTS mengendalikan sesuatu kursus pengajian dan program latihan dengan kesesuaian yang diperlukan berhubung dengan kemudahan-kemudahan pendidikan;
- (iv) membuat syor kepada Menteri Pendidikan untuk memberi kelulusan kepada IPTS mengendalikan sesuatu kursus pengajian dan program latihan dengan penjaminan kualiti kursus pengajian dan program latihan yang berkenaan;

(v) menerima dan memproses permohonan-permohonan dari IPTS untuk memberi kelulusan penganugerahan akreditasi sijil-sijil, diploma-diploma dan ijazah-ijazah; dan

(vi) memberi penganugerahan sijil akreditasi.

Berhubung dengan pucuk pimpinan LAN, ingin saya menjelaskan peruntukan berhubung dengan keanggotaan LAN. LAN akan diketuai oleh seorang Pegawai Eksekutif yang akan dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri Pendidikan. Pengerusi Eksekutif akan juga bertindak sebagai Pengerusi Lembaga yang terdiri daripada:

- (i) seorang Pengerusi yang akan dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri Pendidikan; dan
- (ii) ahli terdiri tidak kurang daripada enam (6) orang dan tidak melebihi sepuluh (10) orang yang akan dilantik oleh Menteri Pendidikan.

Dari segi keanggotaan khidmat sokongan Pengerusi Eksekutif akan dibantu oleh seorang Setiausaha bagi menjalankan tugas-tugas urusetia dan khidmat pengurusan dengan disokong oleh beberapa orang anggota yang difikirkan perlu bagi memastikan pengurusan organisasi berjalan dengan lancar dan efisien.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya penubuhan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) akan dapat menjamin standard dan kualiti pendidikan IPTS khususnya dan sistem pendidikan tinggi pada keseluruhannya. Dengan wujudnya jaminan kualiti dalam sistem pendidikan tinggi melalui LAN, keyakinan masyarakat terhadap sistem tersebut akan bertambah kerana badan ini akan

mewujudkan proses akauntabiliti yang mantap di kalangan semua IPT tempatan dalam jangkamasa panjang. Peranan LAN juga akan mencerminkan kemampuan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Seterusnya, LAN akan memainkan peranan yang penting dalam usaha kerajaan untuk mewujudkan reformasi terhadap pengurusan pendidikan tinggi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-Undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Lembaga Akreditasi Negara dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsinya dan kuasa-kuasanya serta bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya dibaca buat kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.47 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di Pertua, pada akhir bulan Mei, Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengumumkan bahawa sungguhpun wujudnya peningkatan marginal dalam pengambilan penuntut-penuntut universiti oleh tujuh universiti tempatan bagi tahun akademi 1995 dan 1996 tetapi kurang dari setengah permohonan yang dikemukakan berjaya dilayan. Hanya 12,252 pemohon yang berjaya melanjutkan pelajaran ke tahap pengajian Sarjana Muda tahun ini bila dibandingkan dengan 29,600 yang membuat permohonan. Penawaran tempat pengajian tahun akademi ini telah bertambah sebanyak 320.

Permohonan tahun ini telah bertambah 9.2 peratus berbanding dengan tahun lepas antara 23,129 yang memohon untuk memasuki aliran sastera manakala 6,471 memohon untuk memasuki aliran sains. Antara mereka yang berjaya diterima masuk ke universiti 7,922 diletakkan dalam aliran sains manakala 4,330 akan melanjutkan pengajian di dalam aliran sastera.

Angka-angka ini menunjukkan 17,348 pelajar ataupun lebih kurang 60 peratus dari pelajar yang mencapai syarat STPM untuk melanjutkan pelajaran tinggi mereka telah ditolak dari universiti tempatan dan ini menunjukkan negara kita perlu mengadakan lebih banyak tempat pendidikan tinggi untuk mereka. Kita harus mengingati bahawa angka-angka ini tidak termasuk lagi sejumlah besar pelajar yang kini memilih untuk tidak menduduki peperiksaan STPM dan sebaliknya memasuki kolej-kolej swasta untuk menghadiri program-program berkembar pula.

Keadaan di mana sejumlah besar pelajar kita yang berkelayakan telah ditolak dari memasuki universiti-universiti tempatan ini amat dikesali dan menghampakan, terutama sekali memandangkan bahawa kerajaan pernah menjanjikan rakyat rancangan menambahkan tempat pendidikan tinggi di negara ini dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Sebenarnya, pada Januari 1994, Kementerian Pendidikan telah mengumumkan Piagam Pelanggannya yang menggariskan beberapa sasaran pendidikan gagah hingga tahun 2,000. Antaranya adalah pembekalan pendidikan tinggi kepada 30% dari populasi kita yang berumur 19 dan 24 tahun. Tetapi apa yang amat dikesalkan adalah bahawa dalam tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini,



tidak pula nampaknya penambahan substantial pembekalan tempat universiti untuk pelajar-pelajar Malaysia dalam proses pengambilan pelajar baru.

Rancangan Malaysia Ketujuh dalam dua perenggan ada sebut angka-angka yang perlu kita ambil perhatian. Para 10.35 menyebut, Pengambilan ke kursus peringkat Ijazah Pertama bertambah daripada kira-kira 11,000 pada tahun 1990 kepada 17,000 pada tahun 1995. Kapasiti institusi tempatan awam yang terhad mengakibatkan hanya lebih kurang 50 peratus pemohon diterima masuk ke kursus peringkat ijazah. Dengan ini, bilangan mereka dalam kumpulan umur 19-24 tahun yang mengikuti pengajian peringkat ijazah masih rendah iaitu kira-kira 3.5 peratus pada tahun 1995. Walaupun terdapat sedikit peningkatan iaitu daripada hanya 2.6 peratus pada tahun 1990, kadar enrolmen 3.5 peratus pada tahun 1995 adalah sangat rendah berbanding dengan negara maju.

Para 10.36 menyebut, 'Dalam tempoh rancangan, sebilangan pelajar Malaysia telah meneruskan pengajian di luar negara. Dalam tahun 1995, dianggarkan 50,600 pelajar atau 20 peratus daripada pelajar peringkat pendidikan tinggi telah mendaftar di pelbagai institusi luar negara. Daripada jumlah ini, kira-kira 20,000 pelajar atau 39.5 peratus merupakan pelajar tajaan Kerajaan. Dalam kumpulan ini, seramai 18,300 adalah pelajar Ijazah Pertama, yang mana 59.8% daripadanya mengikuti kursus sains, perubatan, kejuruteraan dan kursus yang berkaitan dengan teknikal.'

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, salah satu dari matlamat pendidikan tinggi kerajaan adalah menambahkan peng-

ambilan pelajar Sarjana Muda dalam institusi awam tempatan untuk mereka yang berada dalam golongan umur 19-24 dari 3.5% dalam 1995 menjadi 5.6% dalam 2,000.

Rang Undang-Undang Lembaga Akreditasi Negara 1996 ini merupakan perundangan pendidikan kelima yang diwujudkan sejak akhir tahun lepas untuk menghasilkan satu 'revolusi dalam globalisasi' sistem pendidikan, termasuk pengkorporatan universiti-universiti yang sedia ada, membenarkan penubuhan universiti-universiti swasta serta pembentukan cawangan universiti-universiti asing di Malaysia. Keempat-empat undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen adalah Akta Pendidikan 1996, Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1996, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, dan Akta Majlis Kebangsaan Pendidikan Tinggi 1996.

Kerajaan harus sedari bahawa negara ini telah ketinggalan 20 tahun dalam kerja membebaskan atau meliberalisasikan dan mengglobalisasikan sistem pendidikannya dan sekiranya Malaysia ingin menjadi pusat pendidikan cemerlang di rantau ini, maka banyak lagi kerja yang kita perlu lakukan dalam masa yang singkat.

Malaysia tidak mungkin menjadi sebuah pusat pendidikan cemerlang sekiranya sesetengah daripada pelajar kita perlu pergi ke negara asing untuk melanjutkan pendidikan tinggi mereka. Cambridge, Oxford, Harvard, Yale dan lain-lain universiti yang menikmati nama baik antarabangsa telah memperolehi pengiktirafan kecemerlangan akademi mereka bukannya melalui hasrat memperolehi nama baik antarabangsa semata-mata, tetapi melalui usaha gigih membentuk dan mengekalkan kecemerlangan akademik pelajar-pelajar mereka setiap masa.

Kita perlu membentuk prioriti pendidikan tinggi kita secara tepat, di mana pertama sekali perlu melanjutkan peluang pendidikan tinggi untuk rakyat Malaysia sendiri dalam negara sendiri dan memastikan bahawa semua institusi pendidikan tinggi, sama ada yang swasta ataupun awam, menjadi pusat akademi cemerlang.

Atas sebab ini, sungguhpun undang-undang telah dibentuk untuk membolehkan universiti-universiti kini dikorporatkan, penubuhan universiti-universiti swasta dibolehkan dan universiti-universiti asing dibenarkan membentuk cawangan mereka di Malaysia, Kerajaan tidaklah boleh lari dari tanggungjawab sosialnya untuk terus menjadi pembekal utama pendidikan tinggi di Malaysia dengan menubuhkan lebih banyak lagi universiti serta menyokong penubuhan institusi-institusi pendidikan tinggi swasta dengan menghantar pelajar-pelajar tajaan kerajaan ke institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan dan bukan lagi ke pusat pendidikan tinggi negara asing.

20 tahun yang lepas, DAP pernah mencadangkan supaya ditubuhkan sekurang-kurangnya sebuah universiti lengkap di setiap negeri. Baru-baru ini sahaja, wujudlah cadangan-cadangan dari kerajaan-kerajaan negeri, korporat dan institusi-institusi pendidikan tinggi swasta mengenai rancangan mereka untuk menubuhkan universiti ataupun mempertingkatkan status kolej kini menjadi status universiti. Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu malah Perlis telah mengumumkan rancangan untuk menubuhkan universiti mereka masing-masing. Selain dari Petronas, Tenaga Nasional dan Telekom yang telah

mengemukakan rancangan untuk menubuhkan universiti mereka masing-masing. Korporat-korporat seperti Hicom dan YTL juga telah mengumumkan rancangan mereka untuk menubuhkan universiti. Sama juga dengan institusi-institusi pendidikan tinggi yang sedia ada seperti Taylor's College, Inti College, Stamford College, semuanya sedang membuat rancangan untuk menaikkan status kolej masing-masing menjadi universiti. Untuk sekian lama ini, rancangan menubuhkan sebuah universiti peguruan juga telah kedengaran.

Sementara menggalakkan penubuhan universiti-universiti swasta, kerajaan tidak harus berhenti menjadi pembekal utama peluang-peluang pendidikan tinggi, terutama sekali dalam memastikan bahawa pelajar-pelajar dari latar belakang ekonomi yang lemah, tidak ditolak kelengkapan pendidikan tinggi, dan untuk tujuan ini, Kerajaan Persekutuan harus berganding bahu dengan beberapa Kerajaan Negeri untuk menubuhkan universiti-universiti baru yang tersebar ke setiap negeri.

Tahun yang lepas, kerajaan telah menaja seramai 20,000 pelajar memasuki institusi pendidikan tinggi luar negeri. Dengan menghantar pelajar-pelajar ini ke institusi pendidikan tinggi swasta, kerajaan bukan sahaja dapat mengurangkan kos yang dibelanja, malah dapat membantu meningkatkan kualiti institusi-institusi pendidikan tinggi swasta tempatan.

Tidak ada sebarang sebab yang menghalang kerajaan menaja pelajar-pelajar kita memasuki institusi pendidikan tinggi swasta tempatan untuk mendapat pendidikan tinggi sekiranya pelajar-pelajar ini boleh dihantar ke institusi-institusi pendidikan tinggi negara-negara asing.

Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara akan bertanggung-jawab ke atas standard dan kualiti sijil, diploma dan ijazah yang dianugerahkan oleh institusi pendidikan tinggi swasta melalui pemberian perakuan akreditasi ke arah menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan.

Ini adalah untuk tujuan memastikan institusi pendidikan tinggi swasta akan membekalkan program-program dan kursus-kursus bertaraf antarabangsa selaras dengan objektif kebangsaan untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat cemerlang dalam bidang pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan pernah mengatakan bahawa sekiranya tidak wujudnya lembaga sebegini, ijazah-ijazah Malaysia mungkin akan menghadapi masalah untuk diterima oleh dunia antarabangsa, dan dengan ini menggagalkan matlamat untuk menjadikan negara ini salah satu dari destinasi utama pendidikan tinggi.

Persoalan pertama yang timbul mengenai Lembaga Akreditasi Negara ini adalah mengapakah universiti-universiti yang sedia wujud dikecualikan dari bidang kuasanya. Bukanlah semua institusi pendidikan tinggi, sama ada swasta ataupun awam, semuanya perlu dikaji standard dan kadar kecemerlangan akademi mereka supaya Malaysia dapat membentuk reputasi yang kukuh sebagai pusat kecemerlangan ekademi untuk pendidikan tinggi yang bertaraf antarabangsa?

Sekiranya kita ingat bahawa semua universiti kita dan ijazah mereka telah dikenali sebagai mencapai tahap akademi kecemerlangan antarabangsa,

maka kita hanya menipu diri sendiri sahaja. Sehubungan dengan ini adalah berguna untuk kita merujuk kepada contoh-contoh antarabangsa mengenai bagaimana mereka dapat mengekalkan kadar akademi kecemerlangan yang tinggi untuk universiti-universiti mereka masing-masing.

Sebagai contoh, di Australia, wujudlah sistem pengauditan tetap bagi 36 universiti awam menganalisa kecemerlangan akademi mereka dan mengawal standard universiti. Universiti-universiti yang terkenal, seperti Melbourne University, Sydney University, Monash University, semuanya tidak dikecualikan. Penganalisaan ini bukan sahaja dapat memastikan bahawa pelajar mendapat pendidikan yang baik selaras dengan kadar yuran yang dibayar, malah menguntungkan universiti-universiti tersebut kerana melaluinya mereka akan tahu mengenai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Pengauditan universiti di Australia dijalankan oleh Committee for Quality Assurance in Higher Education (CQAHE) yang ditubuhkan oleh Jabatan Pendidikan dan Latihan dan ahli-ahli termasuk timbalan-timbalan canselor dan berbagai universiti dan perwakilan peringkat tinggi dari sektor swasta, terutama sekali mereka yang berpengalaman dalam pemastian kualiti. Tugas mereka adalah memerhatikan pengauditan yang berkitar dalam tempoh setiap tiga tahun yang melibatkan pelbagai aspek pendidikan tinggi, pengajaran, pendidikan dan perkhidmatan komuniti. Universiti-universiti dikaji berpandukan cara dan keberkesanan dan pengajaran dan pembelajaran, kerja-kerja pendidikan, perkhidmatan komuniti, quality portfolio, kenyataan misi dan proses-proses pengurusan mereka.

Pada peringkat akhir, pengauditan ini, data akan dibentuk dari hasil kajian dan kawasan-kawasan lemah akan dikenal pasti untuk diperbaiki. Temu janji juga dijalankan di dalam universiti-universiti melibatkan sama ada vice-canseller hinggalah ke pelajar tahun pertama. Kaji selidik ini adalah penting untuk universiti-universiti berkenaan kerana mereka yang muncul di tempat teratas akan mendapat sejumlah peratus peruntukan operasi untuk pencapaian mereka dalam tempoh berkenaan.

Seterusnya, biarlah kita kiranya meneliti contoh United Kingdom. Mengikut syarat-syarat Akta Pendidikan Lanjutan dan Tinggi 1992, Lembaga Pembiayaan Pendidikan Tinggi bahawa Higher Education Finding Council adalah untuk United Kingdom telah dipertanggungjawabkan dengan tugas mendapatkan dahulu penilaian kualiti pendidikan yang dibiayainya. Cara penilaian kualiti adalah berdasar kajian, dengan izin, "peer review" pada peringkat subjek diukur berlandaskan tujuan dan matlamat yang ditetapkan oleh pembekal subjek atau "subject provider".

Mengikut satu laporan, dengan izin, saya akan baca. "During its latest review 1992-1995, each subject provider prepared a self-assessment which could include a claim to be providing excellent quality education or claim for excellence. On the basis of analysis of the self-assessment by academic and professional peer assessors, some providers received a three-day assessment visit carried out by an assessment team. An assessment team comprised, normally, three, four or five peer assessors in the subject concerned, drawn predominantly from other UK universities and colleges.

"The assessment method addresses the wide range of influences that shape the experiences and achievements of students. It includes consideration of the breadth of teaching, learning and assessment activities, students' achievements, the curriculum, the application of learning resources (library, equipment, IT, laboratory), student support and guidance, and academic management at the subject level. The assessment visit includes scrutiny of students' work, direct observation of a wide range of teaching and learning activities and discussions with staff and students.

"In the period covered by this Report, the Council used a three-point assessment scale leading to an overall summative judgement of excellent, satisfactory or unsatisfactory quality of education. No judgement of excellent or unsatisfactory quality was made without an assessment visit. Judgement of satisfactory quality were made either with or without an assessment visit."

Kesemuanya 950 academician adalah terlibat—dilantik untuk menjalankan penilaian kualiti dalam tempoh kajian ini, dan majoriti mereka adalah direcruit dari institusi pendidikan tinggi UK. Penilaian ini akan menunjukkan bahagian-bahagian yang boleh diperbaiki dan dapat dilakukan oleh pembekal pendidikan cemerlang, terutama sekali yang berkaitan dengan pengurusan akademi serta komunikasi dan pembangunan, sama ada dalam department, sekolah atau subjek atau mata pelajaran, dan sama ada mengenai pengajaran dan pembelajaran subjek berkenaan.

Lagi satu contoh yang kita boleh tapis ialah di Kanada, di mana universiti-universiti dengan struktur

yang sama disusun berdasarkan faktor-faktor di dalam enam kumpulan. Daripada enam kumpulan ini, dengan izin, mengikut laporan ini:

- (i) Student body - (yang dapat 21% ke 22% dalam final score). On the basis as students are influenced by the input of their peers which also takes into account the incoming students' average high-school grades and the proportion of those with averages of 75% or more.
- (ii) Classes - (yang dapat 17% ke 18%), which embraces the entire distribution of class sizes and measures how much access new students have to top faculty.
- (iii) Faculty - (yang dapat 17%). The rankings assess the calibre of faculty by calculating among other things, the percentage of those with Ph.Ds and the number who win national awards.
- (iv) Finances—(12%) on the amount of money available for current expenses per student as well as the percentage of the budget spent on student services and scholarships and bursaries.
- (v) Library - (12%): This section assesses the breadth and currency of the university's collection.
- (vi) Reputation—(20%): reflects a school's reputation with its own graduates, as well as within the community at large.

Contoh-contoh di atas sepatutnya dijadikan panduan berguna untuk Lembaga Akreditasi Negara yang harus bertanggungjawab terhadap kerja menilai kecemerlangan akademik bukan sahaja bagi institusi pendidikan

tinggi swasta, tetapi juga untuk semua institusi pendidikan tinggi termasuk mereka yang telah dikorporatkan, yang akan dikorporatkan, seperti Universiti Malaya.

Tidak boleh dipertikaikan lagi bahawa kualiti pelajar merupakan faktor yang penting dalam menentukan kecemerlangan akademik sesuatu institusi pendidikan tinggi. Sebagai contoh, dalam satu artikel mengenai Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang melahirkan keazaman untuk melakukan sesuatu ke atas kualiti pelajar yang memasuki pagarnya bahawa ia hanya akan menerima pelajar yang berkualiti. Apa yang dipetik oleh *New Strait Times* dalam rencananya yang bertarikh 19hb Disember 1994 dari percakapan Timbalan Canselor UPM, Profesor Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim yang berbunyi: "It is our aim that at least 80% of our students will be from the top 50% of successful applicants. Only the top 5% of the graduating crop will be accepted as postgraduate students who will make up 20% of UPM's total enrolment." Dan rencana ini berakhir dengan perenggan ini, dengan izin, "There is a wide perception among lecturers that the bottom 10% of UPM students (academically speaking) lie at the bottom of the barrel that make up the total undergraduate population in the country. On the other hand, they say that UPM's top 10% is hardly on par with the top 10% in Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) or Universiti Sains Malaysia (USM)." Sekian, terima kasih.

4.10 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil satu

langkah bijak untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu. Hakikat ini telah diuraikan dengan panjang lebar sewaktu Dewan yang mulia ini membahaskan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan juga Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara baru-baru ini.

Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara 1996 yang kita bahaskan hari ini adalah susulan kepada seluruh undang-undang mengenai pendidikan yang telah diluluskan sebelum ini. Ia digubal bagi memperkukuhkan lagi fungsi dan peranan institusi pengajian tinggi swasta. Matlamatnya menjurus ke satu arah yang tepat dan jelas iaitu mewujudkan piawaian dan kualiti pendidikan yang bertaraf dunia di masa akan datang.

Sebab itulah rang undang-undang ini bertujuan merumuskan dasar mengenai kawalan standard dan kualiti terhadap semua kursus pengajian yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia. Sebab itulah juga rang undang-undang ini bermatlamat menetapkan, mengawasi, mengkaji semula dan menyelia standard dan kualiti kursus, pengajian dan sijil, diploma serta ijazah bagi tujuan akreditasi.

Tuan Yang di-Pertua, reformasi pendidikan ini membuktikan kesungguhan dan komitmen Kerajaan Barisan Nasional terhadap kemajuan pendidikan rakyat jelata di negara Malaysia. Sewajarnya kerajaan diberikan setinggi-tinggi tahniah di atas usahanya memberikan lonjakan kuantum kepada pendidikan. Menteri Pendidikan juga wajar menerima ucapan syabas. Pengabdian ikhlas beliau terhadap pendidikan menjadikannya selaras dengan tuntutan zaman dan serasi pula dengan kepentingan serta aspirasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, lebih penting lagi rang undang-undang ini juga akan menentukan tahap pencapaian Bahasa Kebangsaan dan mata pelajaran wajib yang ditetapkan dalam Akta Institusi Pengajian Tinggi 1996 sebagai prasyarat kepada penganugerahan sijil, diploma atau ijazah. Ini membuktikan bahawa dalam menggalakkan pertumbuhan institusi pengajian tinggi swasta di negara ini, kerajaan sentiasa menitikberatkan kemuliaan dan kedaulatan Bahasa Melayu. Ini bermakna tiada seorang pun pelajar di institusi pengajian tinggi swasta kelak yang akan terkecuali, insya-Allah, dari lulus Bahasa Melayu sebagai syarat memperoleh sijil, diploma atau ijazah masing-masing.

Hakikat ini selaras dengan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara. Dalam konteks ini, saya harap pihak Lembaga Akreditasi Negara tidak akan mengkompromikan taraf serta kedaulatan Bahasa Melayu di dalam usahanya memberi akreditasi kepada sijil, diploma ataupun ijazah keluaran institusi pengajian tinggi swasta kelak. Saya juga berharap, janganlah terdapat lagi mana-mana pihak yang mendakwa kononnya Kerajaan Barisan Nasional tidak mendaulatkan Bahasa Melayu di dalam sistem pengajian tinggi swasta. Cita-cita ini jelas termaktub jika semua undang-undang yang berkaitan dengan pendidikan tinggi swasta. Sama-samalah kita ikuti perkembangannya. Jika terbukti kerajaan sengaja mengabaikan cita-cita ini, barulah mana-mana pihak yang prihatin berhak untuk menyuarakan rasa hati masing-masing. Setakat hari ini, sebarang tuduhan kononnya kerajaan mengabaikan cita-cita mendaulatkan Bahasa Melayu menerusi sistem pengajian tinggi swasta adalah fitnah dan ini mesti diberhentikan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini beribu-ribu lulusan Sijil Pelajaran Malaysia dan juga Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia berduyun-duyun, berpusu-pusu, berasak-asak dan berebut-rebut semata-mata untuk mendapatkan borang memasuki institusi pengajian tinggi awam. Bilangan generasi muda Malaysia yang layak ke pusat pengajian tinggi kerajaan terlalu ramai tetapi kemampuan institusi pengajian tinggi awam pula amat terhad. Keadaan ini berlaku kerana selama ini kita mendefinisikan institusi pengajian tinggi baik kolej, politeknik ataupun universiti menerusi satu kriteria tradisional ataupun konvensional. Kita mentakrifkan sesebuah institusi pengajian tinggi sebagai satu pusat pengajian yang wujud secara fizikal, yang dibatasi oleh lokasi dan jarak, yang terhad kepada corak serta penekanan kurikulumnya yang diwarnakan kehebatannya oleh tenaga akademik yang terus pula dibelenggu oleh hukum penawaran dan permintaan pasaran dan yang mempunyai konstrain kewangan. Jumlah pelajarinya juga dihadkan oleh faktor-faktor fizikal ini termasuk bangunan serta tenaga pensyarah. Memang situasi kekurangan tempat menuntut ilmu di institusi pengajian tinggi awam ini boleh diatasi menerusi wujudnya institusi pengajian tinggi swasta seperti yang diluluskan undang-undangnya oleh kerajaan baru-baru ini. Tetapi institusi pengajian tinggi swasta juga masih dibatasi oleh segala konstrain seperti kemudahan fizikal kampusnya, tenaga akademiknya dan juga kemampuan kewangan para pelajarinya.

Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kewujudan institusi pengajian tinggi swasta tidak menyelesaikan sepenuhnya masalah kedahagaan ilmu pengetahuan di kalangan generasi

muda Malaysia. Di samping konstrain sepertimana yang saya sebutkan tadi, para pelajar bumiputera khususnya akan dibatasi oleh kemampuan kewangan untuk menampung pengajian masing-masing di institusi pengajian tinggi swasta. Pada waktu yang sama, institusi pengajian tinggi swasta bukannya terdapat di semua bandar besar di negara ini, malahan majoritinya hanya tertumpu di Kuala Lumpur.

Jika tiada suatu pembelaan sewajarnya dilakukan segera oleh pihak awam mahupun swasta terhadap takrif institusi pengajian tinggi yang tradisional ataupun konvensional ini pastinya semakin lama semakin ramai generasi muda Malaysia terutamanya bumiputera yang akan tercicir dari arus pengajian tinggi. Bila keadaan seperti ini berlaku, siapakah yang akan dipersalahkan kelak?

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada kerajaan, izinkanlah, galakkanlah dan doronglah pihak swasta Malaysia untuk menyediakan kemudahan pengajian tinggi kepada generasi muda Malaysia menerusi cara dan pendekatan yang lebih radikal, kreatif dan berani. Saya yakin satu pembaharuan yang radikal, kreatif dan berani ini akan membolehkan penyediaan peluang pengajian tinggi secara lebih massive, meluas dan menyeluruh. Saya membuat rayuan ini kerana dengan kerancakan perkembangan teknologi maklumat dan kepesatan sistem telekomunikasi yang terdapat di negara ini sekarang, saya dapati bahawa definisi institusi pengajian tinggi yang tradisional agak kurang relevan sekiranya mahu menampung jumlah generasi muda yang dahagakan pendidikan.

Strategi pendekatan radikal ini pastinya akan membuka peluang yang seluas-luasnya kepada seluruh generasi muda yang dahagakan ilmu untuk memperolehi pendidikan tinggi baik di peringkat sijil, ijazah ataupun diploma. Golongan yang berumur juga ataupun golongan yang bekerja termasuk kakitangan kerajaan yang ingin meningkatkan taraf dan status pendidikan juga boleh mendapat peluang dari sistem yang lebih radikal. Secara tepat lagi, sistem ini akan menjayakan lagi strategi pendemokrasian pendidikan di Malaysia.

Maka, saya cadangkan kepada kerajaan, izinkanlah pihak swasta mewujudkan sistem pendidikan tinggi secara jarak jauh ataupun secara universiti terbuka (open university), dengan menggunakan dan menggabungkan kemudahan telekomunikasi moden dan juga teknologi maklumat. Lebih tepat lagi, kerajaan sewajarnya mengizinkan pihak swasta mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang dikenali sebagai virtual university ataupun universiti elektronik.

Sekarang ini kita dapati banyak konsep electronic government, electronic health ataupun electronic hospital. Jadi, apa salahnya kita meneroka bidang electronic university? Sesebuah universiti virtual....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kacau sahaja!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tolong dia sahaja. Tidak kacau langsung. Saya

menggalakkan penubuhan atau pengwujudan universiti seumpama ini. Cuma, adakah Yang Berhormat berfikir dengan mendalam bahawa bagaimana kita dapat memastikan standard di dalam universiti-universiti seumpama ini? Sebab saya takut, dengan galakan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya kita tambahkan pengambilan profesional dan sebagainya, maka standard itu akan terjejas. Saya tidak nampak ada kaedah untuk memastikan standard ini bukan sahaja tidak terjejas, bahkan juga dipertingkatkan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memerlukan bantuan DAP! Saya rasa pihak kerajaan lebih mampu untuk berfikir dan memandang ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung ucapan saya. Sesebuah universiti virtual ataupun universiti elektronik, jika dimahukan sedemikian, tidak akan mempunyai batasan fizikal, tidak mempunyai academic constrain, tidak mempunyai sekatan jarak ataupun geographical distance.

Semua generasi muda Malaysia yang berkecenderungan melanjutkan pelajaran tinggi, tetapi sekarang ini gagal ke pusat pengajian tinggi awam ataupun swasta atas alasan tertentu pasti akan dapat menikmati sistem pengajian tinggi menerusi universiti virtual ataupun universiti elektronik ini.

Menerusi universiti virtual ini, golongan yang berminat melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi akan memperolehinya secara jarak jauh ataupun secara open university menerusi sistem long distance learning. Mereka boleh mengikuti kuliah menerusi cara berasaskan komputer ataupun menerusi computer



based methods. Ini bermakna, biar di mana sahaja—biar di Kepong atau di Pasir Putih ataupun di kampung saya, Semarak di mana sahaja mereka berada, asalkan seseorang itu layak, asalkan mereka mempunyai komputer peribadi dan asalkan terdapat sistem telekomunikasi yang cekap di kawasannya, maka individu itu boleh mengikuti kuliah yang dianjurkan oleh sesebuah universiti virtual.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan mewujudkan universiti ini serasi dan selaras dengan kempen *Utusan Malaysia* yang kini sedang menganjurkan dan menggalakkan rakyat Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya sebuah unit komputer peribadi di rumah masing-masing.

Kempen oleh *Utusan Malaysia* ini perlu diinsafi oleh semua pihak. Ini proaktif dan ini juga progresif. Ini membuktikan bahawa akhbar yang dikatakan oleh setengah pihak, khususnya DAP yang mengecam *Utusan Malaysia* sebagai akhbar kampung sebenarnya sebuah akhbar yang meniupkan pembaharuan hidup. Usaha *Utusan Malaysia* ini sehaluan pula dengan usaha Bill Gates, iaitu the pioneer in computer softwares, dengan izin, yang juga menyeru supaya setiap individu mempunyai komputer peribadi di rumah masing-masing walaupun ini mempunyai landasan ataupun bottom-line profit.

Saya harap, *Utusan Malaysia* juga akan memperhebatkan kemennya dengan menyeru pihak swasta menyumbangkan komputer ke balai-balai raya ataupun pusat-pusat ilmu lainnya di kampung-kampung di seluruh negara. Ini akan membantu usaha Kementerian Pendidikan yang sedang dijalankan sekarang.

Baru-baru ini Bill Gates menulis di dalam akhbar *The Japan Times* bahawa beberapa pihak di Amerika Syarikat termasuk syarikatnya iaitu Microsoft kini sedang mengusahakan pembekalan komputer ke dewan orang ramai di pedalaman negara di Amerika Syarikat. Matlamatnya adalah untuk membolehkan setiap individu di sana mendapat akses kepada komputer dan maklumat.

Dalam konteks universiti virtual yang saya cadangkan tadi, ianya akan menjadi realiti dan lebih mudah diterima oleh majoriti rakyat Malaysia sekiranya kempen *Utusan Malaysia* ini berjaya kelak. Bayangkanlah betapa mudahnya seseorang itu akan memperolehi pendidikan tinggi menerusi komputer jika mereka celik komputer dan jika mereka memiliki komputer di rumah masing-masing.

Cadangan mewujudkan universiti virtual ini juga adalah senada dengan cita-cita Perdana Menteri. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia iaitu sewaktu pihak MIMOS mengadakan taklimat mengenai multimedia super corridor di Kuala Lumpur di mana tokoh pembaharuan terkemuka Kenechi Omaie menyertainya, Perdana Menteri telah diminta pendapatnya mengenai universiti virtual.

Perdana Menteri, antara lainnya mengakui bahawa potensi universiti tersebut terdapat di negara ini. Katanya, kos menyediakan infrastruktur universiti seperti ini memang mahal, tetapi kata beliau, dengan iltizam politik kerajaan yang jelas untuk memajukan pendidikan, tidak mungkin pihak kerajaan tidak akan menggalak dan tidak akan menyokong mana-mana pihak yang bercita-cita mewujudkan universiti virtual di Malaysia.

Kewujudan universiti virtual ini juga selaras dengan aspirasi kerajaan seperti yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Di dalam tempoh rancangan tersebut, kerajaan berhasrat membuka peluang yang lebih meluas kepada golongan yang sudah bekerja untuk melanjutkan pelajaran tinggi menerusi sistem Pendidikan Jarak Jauh. Bagaimanapun, sistem Jarak Jauh yang dibayangkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tidaklah seradikal seperti yang saya cadangkan di Dewan yang mulia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini, terdapat dua sistem Pendidikan Jarak Jauh. Pertamanya adalah sistem Pendidikan Jarak Jauh yang dikenali sebagai sistem synchronous iaitu menerusi sistem ini, sesuatu kuliah dijalankan pada waktu yang real iaitu menerusi real time, dengan izin. Lazimnya sistem ini dilaksanakan menggunakan bantuan television interactive, graphic audio ataupun sidang audio. Pendek kata, pendidikan jarak jauh menerusi sistem ini memerlukan penyiaran dan pelajar secara terus-menerus dan bersama.

Yang kedua adalah sistem Jarak Jauh asynchronous. Sistem ini tidak memerlukan penyiaran dan pelajar berinteraksi secara terus-menerus dan menggunakan real time seperti yang tadi. Sebaliknya, yang membolehkan para pelajaranya mengikuti kuliah mengikut jadualnya yang tersendiri. Ini bermakna kalau saya bekerja pada sebelah siang, saya boleh jadualkan kuliah menerusi komputer saya pada sebelah malam. Kalau saya balik ke kawasan pada hari Ahad, saya boleh buat kuliah saya mungkin pada hari Sabtu dan sebagainya. Ini saya katakan tadi, membolehkan para pelajar atau sesiapa sahaja yang layak boleh mengikuti kuliah mengikut jadualnya yang tersendiri.

Berpuluh tahun lalu, sistem jarak jauh seperti ini di negara kita dikenali sebagai Sistem Pendidikan Gaya Pos. Tetapi sekarang ini sistem ini boleh dilaksanakan menerusi warkah elektronik ataupun E-Mail, menerusi kaset audio ataupun perkhidmatan lebuhraya maklumat World Wide Web.

Kedua-dua sistem pendidikan jarak jauh seperti yang saya sebutkan tadi boleh dijadikan asas dan boleh dijadikan komponen kepada universiti virtual. Oleh itu, universiti ini akan membolehkan seseorang individu yang dahagakan ilmu seperti saya katakan tadi, untuk menikmati pendidikan universiti tanpa secara fizikalnya beliau berada di sebuah universiti. Pendeknya, menerusi sistem di atas, seseorang pelajar boleh berada di mana sahaja untuk memilih universiti virtual pilihannya.

Tadi Yang Berhormat Kepong ada bertanya mengenai kualiti dan akreditasi. Sebenarnya di tangan saya ini ada satu kertas kerja yang lengkap mengenai ini. Kalau saya bahagikan, nanti dia pula kata ini pandangan daripada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini memang belum terdapat....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sangkaan jahat itu. Adakah dia sedar bahawa, saya mendengar ucapannya tadi sama ada synchronous asynchronous? Asalkan boleh dilaksanakan dengan baik, saya terima. Cuma setakat ini, walaupun ada disebutkan ada kertas kerja dan

sebagainya, tidak ada penjelasan mengenai cara kita mengadakan kaedah bagaimana standard dan kualiti ini dapat diselenggarakan dengan baik. Cuma melalui universiti-universiti sekarang pun kita tidak pasti standard itu boleh ditingkatkan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dia ini terlalu pesimis. Kita harus melihat ke hadapan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya belum habis, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini belum ada satu pun bentuk virtual university (vu) di seluruh dunia. Adalah long distance learning programme menerusi televisyen di UK dan juga beberapa long distance learning programme yang dianjurkan oleh konsortium universiti-universiti di Amerika Syarikat umpamanya. Ada juga satu long distance learning programme yang dilaksanakan oleh sebuah universiti di Afrika Selatan, tetapi vu dalam dunia belum ada.

Pertama, saya harap sistem ini mudah-mudahan tidak lama lagi akan wujud di Malaysia. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, Koperasi Usaha Bersatu (KUB) sekarang ini sedang berusaha untuk mewujudkan sebuah virtual university.

Saya sebagai Naib Pengerusi melaporkan kepada Dewan yang mulia ini menerusi ucapan ini bahawa pengerusi saya (KUB) Saudara Hassan Haron sekarang ini sedang bekerja keras dan bertungkus-lumus dengan satu team yang telah pun kami wujudkan dengan bantuan-bantuan konsortium antarabangsa untuk merealisasikan sebuah virtual university yang pertama di jagat ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diberi taklimat awal mengenai konsep universiti tersebut dan beliau amat tertarik dengan konsep berkenaan dan memberikan restu agar KUB mendalami lagi konsep ini serta dengan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga telah mendapat taklimat awal mengenai usahawan mewujudkan universiti ini. Beliau sebagaimana yang dilaporkan kepada saya, juga tertawan dengan idea yang agak radikal ini. KUB berusaha mewujudkan universiti ini dengan menggunakan sistem utanet dan juga dengan gabungan-gabungan teknologi maklumat dan telekomunikasi yang akan wujud apabila multimedia super-corridor menjadi satu perkara yang real dalam negara ini.

Pada tahap pertamanya, KUB bercita-cita untuk mewujudkan system virtual university untuk 5,000 orang pelajar dan secara gradual kita akan meningkatkan kepada 10,000 orang pelajar. Mudah-mudahan kita akan dapat membantu cita-cita kerajaan bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh sahaja ia akan mewujudkan ataupun cuba mengeluarkan 108,000 graduan daripada institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu menerusi Dewan yang mulia ini, saya berharap semoga tokoh-tokoh akademik Malaysia akan sama-sama merestui usaha ini. Kementerian Pendidikan pula diharapkan akan memberi akreditasi terhadap kursus sijil, diploma ataupun ijazah yang akan dikendalikan menerusi virtual university ini.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kepong, masalah akreditasi ini belum dapat kita bayangkan oleh kerana virtual

university adalah satu konsep yang baru, adalah satu fenomena pendidikan yang baru yang hasil dari ledakan teknologi maklumat dan telekomunikasi. Bagaimanapun secara asas dan prinsipnya saya mendapati bahawa proses akreditasi ini tidak akan berbeza dengan sistem kita meng"akreditasi"kan sesuatu pendidikan yang dijalankan secara fizikal.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar dengan sistem kolej dan universiti sekarang pun terutamanya termasuk Kolej TAR dan juga beratus-ratus kolej swasta yang lain, tetapi masalah akreditasi ini belum selesai? Banyak diploma dari Kolej TAR pun tidak diiktiraf, tidak ada akreditasi—dengan sistem biasa pun tidak dapat diselesaikan. Jadi, bagaimana kita dapat menyelesaikan virtual university atau tidak virtual university?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak tolong sahaja supaya....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak payah tolonglah, tolong duduk tidak apa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat Menteri Pendidikan dapat mempertingkatkan efisiensinya untuk membantu semua.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah memperkatakan tadi, bahawa kesungguhan kerajaan, komitmen kerajaan terhadap menjadikan Malaysia sebagai "Centre

of Excellence" dan juga pusat ilmu terbukti dengan penubuhan lembaga akreditasi negara. Tidak pernah difikirkan dahulu, dahulu macam Yang Berhormat Menteri mengatakan dijalankan oleh pihak institusi swasta masing-masing.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduk dahulu. Saya sudah hendak habis sebenarnya ini. Jadi, dalam sistem konsep "virtual university", yang saya hendak jual ini Tuan Yang di-Pertua, konsep ini masih lagi kabus, masih lagi kita belum dapat pastikan, tetapi setelah saya dan beberapa kumpulan KUB telah mendapat ceramah daripada konsortium universiti-universiti antarabangsa, telah membuat lawatan ke Afrika Selatan, setelah kita menghalusi sistem akreditasi daripada universiti terbuka di United Kingdom. Kita rasa perkara ini tidak akan menjadi sukar, sekiranya kita mempunyai satu iltizam dan kemahuan dan kita mempunyai satu cita-cita untuk membantu kerajaan di dalam mendemokrasikan dan memberi peluang yang lebih luas untuk membekalkan pendidikan kepada rakyat jelata di tanah air ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Kepong, bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi, yang terakhirlah. Cuma saya dengan keghairahan dia, dengan "venous" yang virtual ini saya galakkan, bukan hendak menafikan keghairahan dia. Cuma wujudnya masalah yang setakat ini pun tidak dapat diselesaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Satu contoh yang

terbaik, walaupun di dalam buku rasmi Kolej TAR dimasukkan sebagai kolej yang dibantu oleh pihak kerajaan, tetapi kita nampak akreditasi itu sungguh tidak memuaskan—sungguh tidak memuaskan. Ini pun entahlah, mungkin hampir 20 tahun wujudnya kolej itu. Kalau virtual university diwujudkan saya berharaplah kita akan mengambil masa 20 tahun lagi untuk diselesaikan masalah akreditasi ini.

Saya bangkitkan masalah ini, mungkin Yang Berhormat parit yang sulung itu tidak sedar mengenai masalah akreditasi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** “Parit Sulung”, bukan “parit yang sulung”.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, dia “parit yang sulung”—memang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Okaylah. Duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kena tukar nama kawasan pula!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau “tidak sulung” itu, bungsulah sekarang ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedar. I am very much aware. Okay, kalau tidak faham apa perkataan “amat sedar”—okay. Apa gunanya kita meneroka satu konsep kalau kita tidak membaca implikasinya. Sebab itu, kita membangkitkan perkara ini sewaktu kita membincangkan Lembaga Akreditasi Negara, oleh kerana ini amat relevan, perkara ini boleh dijadikan bahan brainstorming, boleh menjadikan kita melonjakkan pemikiran kita, it is not like you, static dan “kepong”, “terpekong” dan sebagainya. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya bukannya ghariah. Tetapi adakah oleh kerana Yang Berhormat takut masalah akreditasi, maka kita tidak boleh meneroka satu konsep yang baru? It is very static, dengan izin. Ini satu “beku” dan “kuno” oleh pihak DAP. Jadi tolong beri kredit sedikit kepada Barisan Nasional yang selalunya revolusioner, yang progresif, yang proaktif ini, you know? I know it is the last, so I have last say. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan. Jadi, berkait dengan kewujudan virtual university yang saya bayangkan tadi, di samping kami merayu ataupun oleh kerana di dalam semua akta yang berkaitan dengan pendidikan swasta sekarang ini, masalah perkataan “universiti” tidak termasuk university virtual, silence. Jadi, saya rasa biarlah silence ini means golden kepada kita. Tetapi saya mahu mendaftarkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk menjajarkan perkembangan negara kepada ledakan teknologi maklumat dan kecanggihan telekomunikasi, sistem telekomunikasi, masalah konsep “virtual university” ini harus diambil kira di dalam kita mengendalikan proses mengakreditasi kursus sistem ijazah, diploma dan sebagainya di masa akan datang oleh pihak universiti ataupun institusi pengajian tinggi swasta.

Pada waktu yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kerajaan akan mewujudkan banyak lagi insentif-insentif sama ada galakan kewangan ataupun dorongan untuk membolehkan Malaysia mencipta nama, meneroka konsep dan menjadikan realisasi konsep virtual university ini.

Yang pertama, Tabung Pendidikan Negara perlu dibentuk dengan segera. Sewaktu kita membincangkan Akta-akta Universiti yang sebelum ini masalah tabung, masalah dana pendidikan negara untuk membantu rakyat miskin khususnya bumiputera yang tidak mampu mendapat tempat di institusi pengajian tinggi awam dan juga mungkin kurang mampu oleh constraint kewangan untuk memasuki IPTS swasta maka harus diwujudkan dana kewangan ataupun dana pendidikan negara itu dengan segera.

Kewujudan dana ini boleh membantu para pelajar yang mungkin bekerja tetapi mendapat galakan dari kerajaan dari segi mungkin biasiswa kecil dan sebagainya untuk mereka meneruskan pelajaran menerusi virtual universiti.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, tarif telefon di dalam negara ini harus dikaji supaya ianya mendorong dan menggalak kewujudan perkhidmatan virtual universiti. Memang sekarang ini tarif telefon di dalam negara kita mungkin saya tak tahu macam mana status tingginya kalau dibandingkan dengan negara-negara lain tetapi apabila kita hendak memperkatakan perkembangan teknologi maklumat, sistem telekomunikasi adalah komponen yang paling penting.

Di dalam perkembangan teknologi maklumat, saya ulangi sistem telekomunikasi adalah komponen yang penting. Jadi, dalam hal ini tarif telefon harus direndahkan. Kalau tidak secara menyeluruh, mungkin dikhususkan kepada mereka yang mahu melanjutkan pelajaran menerusi sistem universiti virtual.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, kami berharap supaya para pensyarah universiti tempatan diberi keizinan untuk menjadi pensyarah virtual. Ini bermakna dia masuk kepada recording

studio kita ataupun bilik interaktif kita di mana virtual campus induk universiti itu mungkin sebesar ini yang lebih merupakan mungkin satu studio untuk mereka memberikan sumbangan tenaga dan pemikiran mereka kepada perkembangan virtual universiti di mana kesannya dan jasanya akan lebih luas dan melebar.

Di samping itu juga, ini mungkin akan membolehkan mereka mendapat ganjaran tambahan sebagaimana yang sekarang ini menjadi satu masalah yang dilaung-laungkan.

Seterusnya saya berharap, syarikat-syarikat komputer dan mungkin kerajaan menerusi insentif cukai dan pelepasan-pelepasan yang lain supaya syarikat-syarikat komputer dapat mewujudkan unit-unit komputer sama ada hardware atau softwarentya secara murah, bermakna at easy availability dengan cara yang boleh dibeli oleh semua orang dari semua golongan di dalam negara ini.

Ini juga akan menepati kempen *Utusan Malaysia* yang saya sebutkan tadi. Sekiranya kita mempunyai cita-cita kemampuan mewujudkan universiti virtual, tarif telefon direndahkan, tenaga akademik universiti awam atau swasta yang lain dibenarkan menjadi pensyarah. Kita mempunyai galakan dari segi dana tabung tetapi sekiranya komputer hardware atau software ini masih lagi membebankan harganya kepada masyarakat, maka ini akan menjadi satu sumber kepada kegagalan virtual universiti.

Seterusnya, insentif-insentif cukai dan kewangan yang lain perlu dipertimbangkan oleh pihak kerajaan supaya kewujudan virtual universiti yang menjadi fragment atau sebahagian kepada kewujudan teknologi maklumat di negara ini akan menjadi satu realiti yang tidak membebankan kepada seluruh rakyat jelata.

Seterusnya, universiti virtual ini akan menepati cita-cita Menteri Pendidikan dan juga kerajaan yang mana berusaha menjadikan pendidikan sebagai satu komoditi eksport. Marilah kita melihat bagaimana Malaysia menjadi satu tempat yang strategik apabila Malaysia mula mewujudkan regional corridors. Sekarang ini kita mewujudkan multimedia super corridors di kawasan Kuala Lumpur.

Pada suatu hari kelak, insya-Allah, mungkin di Johor Bahru dan mungkin di selatan dan mungkin di kawasan Sabah dan Sarawak kerana kita mempunyai advantage daripada economic of space dan economic of scope, kita tidak membincangkan economy of scale apabila kita membincangkan teknologi maklumat. Kita lihat bagaimana strategiknya kita, kalau kita lihat negara Asean yang di sekeliling kita sekarang, di mana status mereka dari perkembangan teknologi maklumat.

Di sinilah Malaysia akan menikmati advantage dari segi economy of space dan economy of scope apabila kita mewujudkan virtual universiti di mana satu hari, insya-Allah, dengan kerancangan pembangunan di Vietnam, di Kampuchea dan mudah-mudahan apabila Myanmar telah menjadi satu kerajaan yang stabil dan apabila negara-negara lain di persekitaran Asean dan juga mungkin di Pasifik Selatan, mereka menerusi satelit dan world wide web boleh menjadi salah seorang pengguna kepada virtual universiti yang berpusat di Malaysia. Ini bermakna pada masa yang akan datang virtual universiti juga akan menjadi satu komoditi eksport yang berpangkalan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, itulah di antara cadangan-cadangan saya. Saya amat menyokong segala reformasi

pendidikan sebagaimana yang disuarakan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan kerajaan. Samasamalah kita memberi restu dan juga dorongan kepada hal ini, mudah-mudahan universiti virtual yang akan wujud di Malaysia ini akan tercatat di dalam Guineas Book of World Record pada masa akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Rompin.**

*4.49 ptg.*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang untuk mewujudkan Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Saya mengucapkan syabas kepada kementerian, kepada kerajaan dalam usaha untuk mengangkat martabat pendidikan. Usaha penubuhan LAN ini menunjukkan bahawa sebagai susulan kita kira untuk memastikan kejayaan institusi pengajian tinggi swasta.

Saya amat percaya dengan akta yang dibentang dalam Dewan pada hari ini, usaha untuk meningkatkan lagi perkembangan IPTS ini dapat ditingkatkan lebih kuat dan lebih mantap lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara dalam pengwujudan IPTS ini, bahawa penting kita adakan satu lembaga ataupun satu badan untuk mengawasi mutu dan kualiti sijil, diploma dan ijazah. Kerana ini penting, kadang-kadang kita dengar daripada pasaran dan papan tanda, ijazah-ijazah yang dikeluarkan oleh swasta sama ada proses twinning atau

mewujudkan sendiri kadang-kadang nama-nama universiti yang kita dengar mungkin universiti yang disebut itu universiti luar negara di Amerika ataupun di United Kingdom tetapi tidak bermakna ia membawa satu ijazah, satu kualiti diploma yang dianugerahkan itu satu kualiti yang baik dan tinggi.

Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian dengan tertubuhnya Lembaga Akreditasi Negara (LAN) tidak timbul kesangsian masyarakat bahawa bila sesuatu sijil, sesuatu diploma dan ijazah yang dianugerahkan itu dari segi kualitinya kita tidak dapat bimbang lagi. Kita mahu melihat ijazah-ijazah yang diberi ini hendaknyalah menghubungkaitkan dengan universiti-universiti Ivy League seperti MIT, Harvard, Cambridge, Oxford, Manchester. Kadang-kadang papan-papan tanda yang kita nampak itu ramai daripada kita pun belajar di luar negeri tak pernah dengar pun ada, ini kita bimbang sekali. Dan Kepong mengatakan tadi bahawa sebab TAR disebut tentang akreditasi. Saya nampak, dari segi TAR, walaupun ia tertubuh, tetapi tidak bermakna semua sijil dan diploma yang diketengahkan itu mesti ada kualiti yang tinggi. Kalaulah Kepong merasakan bahawa ia akur kepada suatu standard yang tinggi dari segi kualiti sijil dan ijazah yang dianugerahkan, kita tunggu nanti penubuhan LAN—kita akan tahu jawabnya. Kadang-kadang saya bimbang, Kepong ini setiap soalnya ada dua mata, takut ada agenda politik di belakang soalnya. Ini saya bimbang tentang Kepong, dia menjadi orang politik.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Mungkin—saya nampak pun dari segi ucapan Ketua Pembangkang ini kurang 'umph'. Selalunya kalau Ketua Pembangkang bercakap dia ada 'umph'. Saya di belakang ini bincang-bincang, apa Ketua Pembangkang ini? Macam bukan tidak ada gigi, tetapi mungkin ini cara Kepong untuk menyediakan dirinya untuk mengambil alih kepimpinan DAP, saya rasa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Seperti biasa Rompin memang meraba-raba tidak tentu arah dan soalan-soalan yang telah saya kemukakan tadi tidak ada bercorak politik langsung, kerana saya nampak, walaupun ada usaha dan Rang Undang-undang Akreditasi ini akan menubuhkan LAN dan sebagainya, maka ia adalah merupakan satu langkah ke arah yang betul. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna dalam tempoh 20-30 tahun ini pihak kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan, memainkan peranan yang lebih berkesan. Ia kurang berkesan mengenai akreditasi dan kadangkala kita nampak yang diiktiraf itu standardnya tidak begitu tinggi sangat. Kalau kita tengok Kolej TAR, ia bukan kolej DAP langsung, cuma nampaknya sesetengah pelajar itu baik juga dan standardnya tinggi juga, tetapi kelayakan sijil atau diplamanya tidak diiktiraf, terutamanya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)—tidak mengiktiraf langsung. Cuba tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** (*Bangun*)



**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia hendak bangun tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini tidak kena-mengena dengan politik. Saya memang membangkitkan yang benar sahaja.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat Kepong ini orang politik, tetapi, orang politik selalu mengatakan 'dia tidak ada politik', tetapi agendanya terbawa sekali. Saya yakin mungkin kementerian akan dapat memberi penjelasan yang baik dan saya hendak bertanya sijil-sijil yang hendak dikemukakan itu adakah ia berasaskan kepada MIT atau Havard? Mungkin kalau ada twinning dengan sebuah universiti yang tertinggi, sudah semesti kerajaan akan terbuka dalam perkara ini. Namun demikian biar saya teruskan—lain pergingnya Kepong ini.

Satu lagi perkara saya minta kepada pihak kerajaan—ini memang ada baiknya kita membawa pihak swasta untuk melibatkan diri di dalam pendidikan. Ini agenda untuk menggunakan swasta bagi menggerakkan jentera industri, jentera pertumbuhan ekonomi dan ini amat baik. Tetapi saya bimbang satu, mesti ada tapisan supaya tidak ada yang kita namakan 'fly by night operators'—dia dengar cerita, pengumuman Perdana Menteri kita, Menteri Pendidikan kita bahawa negara hendak meningkatkan dan mewujudkan satu industri pendidikan yang baik, dia dengar cerita dan ada 'the fast buck', dengan izin, untung yang cepat boleh didapat, dia pun hendak masuk juga dan buat universitinya sendiri, buat kolej yang tersendiri, tetapi agenda yang sebenar ialah mendapat pulangan keuntungan yang cepat. Apa jadi kepada ijazah yang dianugerahkan, apa jadi kepada penuntut itu mereka tidak risau.

Saya minta kerajaan melalui LAN ini tolong kawal selia benar-benar. Ini penting sekali. Kalau tidak nanti, takut—Kepong pun hendak buat universiti juga, dia akan mengadakan ijazah untuk industri. kulitkah? Bukan kulit baju, kulitnya sendiri. Ini kita kena jaga sedikit.

Terutamanya macam DAP ini, kalau benar-benar dia jaguh dan juara pendidikan Cina, kenapa tidak benar-benar diwujudkan universiti sendiri—MCA wujud, tetapi DAP saya tidak dengar. Pihak kementerian, adakah permohonan (application) daripada DAP hendak mewujudkan universiti swasta kalau benar-benar dia hendak membela masyarakat kita Malaysia daripada kaum Tionghua. Saya pun belum dengar lagi—cakap sahaja, tumpang sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pendidikan patut tidak dicampurkan dengan politik parti. Yang baik sekali jangan kita campurkan pendidikan dengan politik parti. Pendidikan untuk semua dan kalau ada parti-parti politik yang bercampur aduk dengan pendidikan di dalam kolej dan universiti, ini satu perbuatan yang tidak baik dan adakah Yang Berhormat sedar. Tadi Yang Berhormat kata kita mesti berhati-hati supaya standard universiti yang terkemuka seperti Havard—baru kita iktiraf. Adakah Yang Berhormat sedar kebanyakan ke-layakan ataupun ijazah yang diiktiraf oleh pihak JPA adalah bukan daripada Havard atau Cambridge ataupun Princeton dan sebagainya—bukan.

Kebanyakannya adalah universiti yang lain, cuma kita harap apa yang diiktiraf itu adalah mutu dan taraf yang tinggi, kerana kita semua hendak jadi taraf dunia—world class. Kita 'world class' dalam semua perkara.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** World Class juga seperti dalam pembiayaan kulit—ini pakar—Kepong. Saya setuju, seperti yang saya sarankan tadi bahawa dengan adanya LAN ini (Lembaga Akreditasi Negara), standard akademik di negara kita ini setaraf dengan universiti-universiti ivyleak—itu maksud saya.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu, Timbalan Menteri bangun.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Rompin, sama ada dia tahu atau tidak bahawa universiti atau kolej yang ditubuhkan di atas usaha-usaha dan anjuran MCA, dengan mobilisasi usaha-usaha masyarakat Cina itu, sungguhpun melalui usaha MCA tetapi kita membuka pintu kepada semua termasuklah kepada ahli-ahli parti DAP. Selepas mereka graduate, mereka menjadi pemimpin-pemimpin dalam parti DAP dan sekarang ia bukan sahaja tidak mengakui, tetapi tidak mengucapkan terima kasih kepada MCA.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, saya bersetuju dan mengucapkan syabas kepada Selandar yang baru-baru ini menang Naib Presiden, mungkin akan datang boleh bertanding Timbalan dan Presiden pula. (*Ketawa*) Ini benar. Sebenarnya, Yang

Berhormat Selandar, semasa dia masuk menjadi penuntut dia baik, seorang rakyat negara Malaysia yang baik, bila dia keluar, Keponglah yang menghasutnya. Keluar sahaja, dia ambil senarai graduate itu, dia pun masuk dalam khemah-khemah (kem-kem) yang dianjurkan oleh DAP. Itu yang menjadi terbaliknya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu, Rompin belum beri jalan lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya akan beri, bila saya habis saya akan beri. Saya ada satu perkara ini. Ini betul. Saya bimbang juga dengan Ahli-ahli DAP yang lain, dia anjurkan kader-kader ini, takut dia hendak ambil alih DAP—jaga-jagalalah yang di belakang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik semula—lama-lama nanti dia protes pula kata kita beralih jauh daripada perkara yang dibincangkan. Ini saya bersetuju dengan Kepong. Memang benar, dengan adanya LAN ini sudah ada satu transparency, sudah ada satu keadaan di mana tidak ada lagi kaedah atau kerisauan ijazah-ijazah yang dianugerahkan oleh IPTS nanti satu kualiti yang tinggi dan ini akan membawa kita kepada satu tempat atau pusat cemerlang (centralise excellence) di negara kita. Dengan ini nanti, insya-Allah, dengan adanya transparency, dengan tidak ada lagi kerisauan tentang standard dan ukuran ijazah atau sijil atau diploma yang dianugerahkan oleh IPTS nanti, penuntut di rantau ini dan dunia lain akan datang menuntut di negara kita. Kita harap ini akan menjadi satu harapan dan cita-cita kita supaya benar-benar industri pendidikan ini menjadi industri eksport yang maju di negara kita.

Tuan Yang di Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh sedikit ialah tentang penubuhan badan itu sendiri. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi bahawa pengerusi atau pentadbiran LAN ini akan dipimpin oleh seorang Pengerusi Eksekutif yang dilantik oleh Agong. Cara perlantikan atau proses perlantikan ini penting dan saya mengucapkan syabas supaya bila ketua eksekutifnya, pemimpinnya 'rise above' terutamanya DAP dia akan tuduh nanti, itulah, inilah. Tapi bila dilantik oleh Agong dengan adanya perlantikan ini nanti akan ada satu badan yang benar-benar apa dia yang putuskan akan diterima oleh rakyat tapi DAP 'gode' juga macam NGO baru-baru ini. Belum bagi lagi, tunggu...tunggu, macam kes Bakun serupa ni, sama dua-dua ni. Apa tiga orang, orang di Bakun tak tahu undang-undang pun boleh ambil tindakan undang-undang, ini yang tukang kempen, tutor dia, Kepong 'tutor' dia.

Saya minta juga selain dari perlantikan Pengerusi Eksekutif oleh Agong tapi ahli jawatankuasa yang lain, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang duduk itu mestilah ada satu kedudukan atau nama akedemik yang tidak boleh kita pertikaikan lagi, tokoh-tokoh yang ada ini. Mengapa tidak tokoh-tokoh yang ada ini kita bawa juga profesor-profesor dari luar negeri sendiri, mengapa tidak, supaya apa yang kita anugerahkan nanti kita boleh katakan ini sama standard dengan universiti-universiti seperti Universiti-universiti 'Ivy Leak', seperti yang saya perkatikan tadi.

Dalam perkara pengurusan atau perjalanan LAN ini, saya ingin menyebut bahawa tiga perkara yang penting untuk mewujudkan satu kualiti

ijazah, certificate diploma yang tinggi sudah semestinya bergantung kepada tiga asas yang penting iaitu kurikulumnya. Kurikulum ini perlulah diputuskan oleh LAN, kita tak mahu misalnya dalam kejuruteraan elektrik masih diajar lagi mata pelajaran yang sudah ketinggalan zaman. Sekarang semuanya komputer, sudah pakai chips. Janganlah kita ajar lagi menggunakan electrode, diode bahkan kita perlu ada kurikulum yang mengikut perkembangan zaman. Ini penting.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam apa juga usaha yang dilaksanakan paling penting ialah tenaga pengajar. Kita alukan sebagai contoh Bank Negara, ia mengawal selia bank-bank di negara kita. Semua perlantikan ketua eksekutif bank, pegawai-pegawai eksekutif bank mesti ada kelulusan atau pandangan Bank Negara.

Saya minta juga sama ada melalui kementerian atau LAN bukan sahaja kurikulum atau ijazah saja, kita tidak mahu esok diberi kertas kerja kejuruteraan elektrik, ini kurikulumnya, ini credit hoursnya, ini mata pelajarannya, tapi yang mengajarnya nanti ialah orang yang hanya lulus sijil atau lulus ijazah biasa sahaja. Dan kalaulah ada masters pun, dia dapat master itu selalu orang buat 18 bulan, 12 bulan, dia mengambil masa 5 tahun buat master. Kalau dia buat Ph.D pun 10 tahun baru dapat. Bermakna tolong jaga kualiti guru-guru, tenaga pengajar sebab kita dengar dah cerita ini, tengah saja penggal, tenaga pengajar ini dipujuk untuk memasuki universiti yang baru kerana gaji yang lebih tinggi lagi diberi. Yang penggantinya hanya pegawai pentadbir saja, walau pegawai pentadbir itu juga ada ijazah tapi tak semestinya dia boleh mengajar.

Sebagai contoh, Yang Berhormat dari Selandar tahu, dia pun mengajar di universiti, tidak bermakna jika orang itu baru balik dari mendapat Ph.D semestinya dia boleh mengajar. Pertama dia mesti ada dari segi knowledge atau pengetahuannya dalam bidang itu. Yang kedua, yang penting juga cara mengajar mesti ada juga. Saya sendiri pernah semasa belajar di universiti dahulu, masuk sahaja pengajar itu dari minit pertama sampai minit terakhir dia tulis di papan hitam saja .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau soalnya yang baik, saya terima, dan kalau soalan politik, saya tolak.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di Pertua, memang soalan itu baik, penjelasan. Memang Yang Berhormat tadi mengatakan itu satu perkara yang baik juga, kita mesti jaga dari segi tenaga pengajar dan sebagainya, memang.....memang. Cuma ada setengah universiti dan termasuk Mac Gill pun bukan begitu baik juga. Mac Gill ada kalanya kalau dapat Ph.D pun kurang juga, seperti Rompin, sangat kurang kerana tidak ada rasional.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini 36(6). (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tadi Selandar, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong, walaupun hendak bergurau, cuba elakkanlah sebarang sangkaan yang tak senonoh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang tak senonoh. Saya pun ada kawan di situ termasuk Yang Berhormat Rompin ada juga itu Ph.D itu baik, tapi kita mesti membeza-bezakan. (*Ketawa*)

Tuan Yang di Pertua, tadi saya ada dengar penjelasan dari Yang Berhormat Selandar, tahniahlah kepada kedua-dua, kepada Yang di-Pertua dan juga kepada Selandar, kerana itulah satu pencapaian yang baik juga. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar sekarang dia lebih seronok sedikit tapi sebelum ini saya pernah bangkitkan mengenai Universiti Melaka, kerana tidak ada Universiti Melaka. Kita perlukan satu universiti di Melaka, cuma selepas pilihan raya Bukit Asahan, dengan majoriti turun, barulah nak bangkit masalah Universiti Melaka. Kalau kalah di Bukit Asahan, saya ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan untuk berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat cuma boleh soal.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya nak soal Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa ni, kalau ada penjelasan, minta. Ini merepek.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap. Ini Ph.D Mac Gill kurang. (*Ketawa*) Adakah Yang Berhormat sedar sekarang ada sikap tukar sedikit. Kita berharap kita tak usah tunggu sampai Bukit Asahan itu kalah. Sekarang kita tubuhkan Universiti Melaka itu. Ha, dah dengar itu. (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hai Kepong, tak habis-habis. Saya nampak Kepong kalau dulu hujahnya akademiklah, sekarang ada politik sikit. Ini ada apa-apakah ni? Ini mungkin menteri boleh jawab nantilah. Ada penjelasan Timbalan Menteri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun ni.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan Ahli Yang Berhormat dari Rompin, sama ada dia tahu atau tidak Universiti Mac Gill ini selalu diiktiraf dan diakui sebagai universiti yang terbaik sekali bukan saja di Kanada tetapi di North America khususnya di bidang kejuruteraan. Penjelasan kedua ini, saya hendak penjelasan Yang Berhormat dari Rompin sama ada dia masih ingat bahawa Kerajaan telah membuat pengumuman bahawa kita telah meluluskan penubuhan Universiti Telekom di Melaka, itu jauh sebelum pilihan raya Bukit Asahan. Dan sama ada dia tahu atau tidak sungguhpun parti DAP serahkan calon di Bukit Asahan tapi dia hampir menang tanpa undi, dia hampir kalah deposit ini. Kalau 50 orang pengundi tukar sahaja, dia akan hilang deposit. Sama ada dia faham atau tidak? (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kepong begitu mana yang baik pada dia, dia bacalah, dia ingat, mana yang tak baik dia ingat hanya selepas, yang pertama memang kita tahu Menteri sendiri telah mengumumkan penubuhan universiti di Melaka sebelum pilihan raya kecil tapi dia tak ingat sebab tidak ada pulangan politik pada dia. Tentang universiti Mac Gill, memang dia kurang puas hati dengan universiti Mac Gill tidak diberikan tauliah ijazah speciality dalam penyakit kulit

yang itu dia marah kalau Universiti Mac Gill anugerahkan sijil medical khas untuk pesakit kulit saya ingat mungkin Kepong akan mengiktirafkan Universiti Mac Gill.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik kepada hujah saya tadi bahawa penting kementerian dalam menumpukan sekadar hanya dalam memastikan anugerah-anugerah sijil diploma ini bertaraf yang diterima oleh dunia tetapi dari segi yang pentingnya juga bahawa pengawasan hari ke hari itu penting sama ada dibuat oleh LAN atau kementerian supaya macam guru-guru yang digunakan yang diambil oleh IPTS ini nanti benar-benar ditauliahkan, mengapa tidak kementerian atau LAN memberikan akreditasi kepada guru-guru itu sendiri seperti Bank Negara seperti saya bagi contoh tadi, sekiranya kita bimbang misalannya mungkin seorang yang datang itu orang daripada Amerika dan Eropah tetapi kita bertanya kepada diri kita, kalau profesor Eropah itu betul-betul baik mengapa hendak mengajar ke negara kita. Mungkin tempat dia tak laku itu bermakna kalau orang itu orang dari Amerika atau Eropah kita tengok pertama sijilnya dan ijazah daripada mana, yang kedua apa rujukan dapat rujukan kalau boleh profesor dari luar negara ini daripada universiti-universiti yang lain.

Kita bimbang nanti mungkin yang jadi pensyarah ini Orang Putih, tapi tak semua Orang Putih itu baik dan cemerlang. Sebab itu saya minta juga mesti ada pengawasan terhadap profesor, tenaga-tenaga yang mengajar di IPTS.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, tentang kemudahan asas. Kita bimbang juga swasta sebab dia ini bottom-linanya untung, kadang-kadang kita dengar sekolah-sekolah, universiti menengah dan rendah. Saya dengar

cerita ada satu kelas dia mengajar dalam kontena pun ada. Jadi kita minta pihak kementerian betul-betul tegas, betul-betul ketat mengawas kemudahan-kemudahan yang diberi, kemudahan-kemudahan yang ada di sekolah-sekolah di IPTS ini sebab mereka ini swasta, kita bimbang takut dia akan korbakan kualiti, korbakan cita-cita yang disebut oleh kementerian itu tadi kerana keuntungan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh lagi ialah tentang penamaan tempat, saya bersetuju dengan Parit Sulong tadi, bahawa walaupun kerajaan sudah mengemukakan 4 akta yang telah diluluskan, namun demikian kita nampak perkembangan tempat-tempat atau penubuhan universiti-universiti ini tidak sebanyak atau tidak pada tahap yang kita mahu lihat. Asas pada ulasan-ulasan saya ialah sekarang ini dengan kejayaan yang ada di negara kita ini, di mana-mana saya yakin Wakil Rakyat kita yang bercakap di kampung-kampung kita tekankan betapa pentingnya pendidikan.

Pendidikan sebagai kunci untuk kita maju sebagai keluarga, kunci kepada negara kita mengejar Wawasan 2020 untuk mengganti menjadikan negara kita negara industri dan maju oleh kerana itu ibu bapa akan menumpu kepada anak-anak supaya anak-anak mereka betul-betul cemerlang, sebagai contoh apa yang saya katakan, kalau dahulu di ITM saya telah mendapat maklumat, kalau dahulu untuk mendapat minat penuntut-penuntut untuk memasuki kursus akauntan-tempatnya 500 hendak dapat 200 pemohon pun susah, tetapi baru-baru ini dengan minat dengan semangat yang diberi sudah ada kebangkitan baru, saya dengar 5000 membuat permohonan untuk mendapatkan kursus akauntan.

Tempat yang ada difahamkan hanya 500 sahaja, yang sebenar ini satu masalah yang timbul oleh kerana kejayaan dasar kita sendiri. Sebab itu nampak bahawa perlu ditingkatkan lagi pengwujudan IPTS ini untuk menampung kekurangan. Kita tidak wajar mencadangkan supaya kerajaan menambahkan tempat-tempat pengajar, tempat-tempat untuk anak-anak kita belajar mungkin memerlukan penambahan peruntukan yang besar, namun demikian mungkin pihak swasta atau pengusaha-pengusaha sebagai contoh mengapa tidak adakan usaha sama dengan ITM sendiri atau pun usaha sama dengan badan-badan lain untuk mewujudkan tempat ini dengan secepat mungkin. Saya memandangkan bahawa dalam ITM ini dalam kita melihat kepada pembangunan pendidikan ini jangan kita lupa kepada peringkat yang menengah, yang rendah, sebab itu saya cuba mengambil contoh ITM ini sebab nampak-nampaknya termasuk ke ITM ini sambutan amat tinggi sekali menyebabkan kekurangan tempat-tempat di ITM.

Saya mengambil kesempatan supaya diperkembangkan ITM ini untuk memberikan lebih banyak peluang kepada anak-anak kita terutama sekali di luar bandar untuk memasuki ITM. Sebab saya mengambil kesempatan ini merupakan cadangan yang spesifik mengapa tidak ITM mewujudkan satu cawangan di tiap-tiap daerah, mengapa tidak? Kadang-kadang kos untuk menghantar anak kita ini tinggi oleh kerana mereka perlu dibiayai tempat duduk dan tempat tinggal. Tetapi kalaulah satu institusi swasta sama ada ITM atau badan-badan lain dapat diwujudkan di setiap daerah, insya-Allah, anak-anak kita akan dapat tempat untuk hendak belajar.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih, syabas kepada kementerian mengemukakan akta untuk mewujudkan LAN atau Lembaga Akreditasi di negara kita. Akhirnya dalam isu Tabung Pendidikan Negara saya yakin bahawa kementerian atau kerajaan tidak lama akan mengumumkan pengwujudan Tabung Pendidikan Negara. Yang tak percaya tentang kerajaan ialah PAS sahaja, dia buat 'road show' Tuan Yang di-Pertua, kononnya kita ini menjual dalam kita mewujudkan satu dasar baru 4 akta ini kita hendak jual hak orang Melayu kononnya, ini PAS, saya yakin nanti dengan pengumuman Dato' Menteri tentang pengwujudan Tabung Pendidikan Negara ini lenyaplah tuduhan-tuduhan yang tidak menentu yang liar ini dapat kita ketepikan. Sekian saya ingin menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila, Bandau.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana bagi saya ruang untuk saya memberi sumbangan kepada perbincangan Reng Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara 1996. Sememangnya Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita merasakan satu langkah yang baik kerana ini rang undang-undang kelima berkaitan dengan keseluruhan Akta Pendidikan dan akta-akta ataupun rang undang-undang yang kelima ini sebahagian daripada rang undang-undang sokongan daripada akta yang lain yang telah pun diluluskan oleh dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya memanglah masanya telah tiba supaya suatu rang undang-undang seperti ini dibentangkan di dewan yang mulia ini khususnya memandangkan

pertumbuhan dan perkembangan sektor pendidikan khususnya dalam dekad ini, di mana telah mengubah keadaan dan juga membangunkan sektor ini dengan satu arus yang pada mulanya barangkali tidak banyak orang yang telah merasa dia akan beruntung seperti mana yang telah dia berkembang di saat ini di mana seperti yang disentuh oleh pada Y.B. Menteri Pendidikan dia telah sampai tahap di mana sektor pendidikan menjadi satu industri dan sebagaimana yang sedang diusahakan sebagai komoditi eksport.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyakkah pencapaian-pencapaian didapati dalam bidang ini dan khususnya dengan pembentangan rang undang-undang yang kelima ini mencerminkan satu pergolakan satu perkembangan yang baik, namun memang masih ada masalah-masalah yang sedia berterusan dan yang mana kita percaya pihak kerajaan hendaklah mengambil kira lewat ia ingin terus maju dalam sektor ini.

Yang di-Pertua, misalnya timbulnya perkembangan yang pesat dari segi sektor ini, namun masalah-masalah asas yang masih berterusan di semua peringkat jentera pendidikan. Di tahap-tahap di mana institusi pendidikan swasta tinggi IPTS sedang berkembang, keperluan-keperluan asas di peringkat sekolah di peringkat rendah dan menengah dan universiti-universiti masih lagi berterusan.

Di peringkat sekolah masih banyak kawasan yang tidak mendapatkan mahupun sekolah rendah, sekolah menengah di peringkat maktab-maktab perguruan masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan pelatih-pelatih dan mereka yang ingin untuk mengambil bahagian dalam profesion pendidikan dan di peringkat universiti juga masih banyak, masih terlalu besar sebenarnya yang tidak mempunyai peluang untuk meneruskan

pengajian mereka di peringkat universiti di negara kita dan terpaksa pihak-pihak sektor swasta ataupun keluar negeri bagi mereka yang mampu untuk melakukan seperti itu.

Pada masa yang sama juga masih banyak pelajar kita khususnya pelajar-pelajar bumiputera yang tidak mampu ke universiti walaupun bayaran barang-kali sederhana sahaja di peringkat universiti tempatan, tetapi banyak mereka yang tidak mampu juga, kerana kekurangan khususnya bagi pelajar-pelajar bumiputera yang tidak mendapat biasiswa yang berasal daripada luar bandar. Pada masa yang sama, isu dengan izin, standard, inilah soal yang diambil kira di dalam rang undang-undang ini, termasuklah institusi pendidikan tinggi di peringkat kerajaan.

Kita berpendapat bahawa universiti-universiti tempatan dan kolej-kolej dalam negara ini pun standardnya masih belum dalam tahap di mana dia dihormati di peringkat antarabangsa. Misalnya, kalau ada pelajar kita yang lulus sarjana muda di universiti tempatan dan ingin meneruskan pelajaran ke universiti mahupun di Kanada, di Australia, di England, khususnya di universiti-universiti Komanwel amat sukar sekali untuk terus mendapat pengecualian di mana mereka terus masuk ke tahun pertama sarjana. Ini mencerminkan bahawa ruang masih besar untuk menegakkan dan mempertingkatkan kualitas dan standard ijazah-ijazah dan pengajian-pengajian di institusi pengajian tinggi di peringkat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama juga di peringkat IPT kerajaan pada saat-saat ini bagi cadangan untuk mengkorporatkan universiti-universiti memang satu cadangan yang baik sekali. Namun demikian, kita lihat keseluruhannya IPT-IPT masih mempunyai dengan izin, mind set yang begitu konservatif

dan begitu tradisi sekali. Di peringkat universiti-universiti tempatan, walaupun cadangan untuk mengkorporatkan universiti-universiti sedang disambut dengan baik, tetapi pandangan awam ialah kalau sekadar sistem yang dikorporatkan, para akademik dan para pentadbir awam dalam universiti-universiti ini tidak mempunyai perubahan sikap dan culture ke arah mendorong perkembangan pendidikan dalam era baru ini dia sekadar akan mendapat nama korporat sahaja, tetapi tidak akan meningkatkan kecemerlangan ataupun kualitas dan standard kursus-kursus yang dianjurkan dan juga penamat-penamat ataupun pelajar-pelajar yang lulus di dalam universiti-universiti ini.

Saya masih ingat, saya sekadar ada sedikit pengalaman bertugas dalam IPT di satu daripada IPT di negara kita. Saya melihat bahawa sokongan dan saya sekadar berbincang dengan para akademik, nampaknya culture ini masih lagi berterusan, di mana apa yang terjadi ialah pentadbir awam di peringkat universiti IPT dan para akademik ruang begitu luas sekali dari segi sokongan di antara satu sama lain. Pada keseluruhannya universiti ditadbir oleh pegawai-pegawai kerajaan walaupun ketuanya dan timbalannya adalah para akademik, tetapi dari segi sifat pegawai-pegawai sokongan tidak terdorong mahupun dari segi keinginan untuk mencemerlangkan bidang pendidikan di universiti tertentu ataupun juga sokongan-sokongan dari segi pendidikan dan seterusnya. Kebanyakan pegawai yang mentadbir universiti sekadar menjaga treasury instruction, dengan izin. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sampai masanya ada perubahan sikap dan mind set di peringkat universiti keseluruhannya, belum lagi masuk universiti-universiti swasta ataupun pusat pengajian di peringkat swasta.



Tuan Yang di-Pertua, begitulah sebahagian daripada masalah-masalah yang masih berterusan. Memanglah kita percaya bahawa sebahagian daripada masalah ini telah ataupun sedang diambil penyelesaiannya dari segi undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada masa-masa yang lampau. Bagi Lembaga Akreditasi Negara 1996 ataupun LAN ini, kita percaya memanglah satu langkah yang baik sekali. Tetapi sebelum itu pun, apabila kerajaan telah membangunkan sektor pendidikan sampailah menjadi satu industri, saya berpendapat bahawa ini juga ada kebaikan dan ada keburukannya. Dari segi kebaikan sektor pendidikan telah menjadi 'demand driven', dengan izin, di mana sektor swasta menjadi pemain yang amat penting khususnya dari segi pendidikan di peringkat swasta. Pada masa yang sama ia juga telah memperluaskan peluang-peluang, khususnya mereka yang mampu untuk belajar di peringkat swasta untuk mendapatkan pendidikan di peringkat negeri di negara kita dan melalui 'twinning programme', dengan izin, mereka meneruskan pelajaran mereka ke seberang laut, maka sekadar sedikit telah mengurangkan perbelanjaan dan tanggungan ibu bapa untuk mendapatkan pendidikan tinggi. Pada masa yang sama juga, saya telah sentuhkan tadi bahawa dengan adanya perkembangan yang baru, di mana sektor pendidikan adalah menjadi satu industri, dia juga telah membolehkan pusat-pusat pengajian tinggi daripada luar negara kita untuk memulakan kampus melalui twinning ataupun melalui dengan kerjasama persendirian.

Dalam perkara ini, ia telah juga sekadar meningkatkan imej negara sebagai satu langkah pertama ke arah tujuan untuk menjadikan negara kita sebagai satu pusat pendidikan

cemerlang. Pada masa yang sama juga, perkembangan baru dalam sektor ini di mana telah mengamalkan program-program twinning dan seterusnya juga telah membolehkan penggunaan bahasa Inggeris lebih luas di peringkat swasta dan juga digunakan dengan tahap-tahap yang lebih tinggi dari segi kemahiran. Semuanya adalah baik. Tetapi pada masa yang sama, kelemahan dari segi ini ialah apabila ia dipandang sebagai industri, dia menjadi 'private sector driven', dengan izin, tetapi dia menjadi 'profit driven'.

Dalam perkara ini, saya berpendapat bahawa pihak kerajaan hendaklah berjaga-jaga supaya sektor pendidikan ini pada dasarnya ialah sebagai satu obligasi sosial negara dan kerajaan. Apabila dia menjadi satu sektor 'profit driven', maka soal kualitas, soal relevan, akan menjadi masalah, yang implikasinya pada jangka panjang, status dan kualitas pendidikan negara amatlah serius kalaulah tidak diambil kira dan diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, khususnya dalam segi soal kualiti dan relevan. Kita berpendapat bahawa inilah rang undang-undang yang bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Dari segi kualitas biasanya dalam dua bentuk kualiti dari segi program dan kualiti daripada staff para pengajar di dalam pusat-pusat pengajian ini, yang akhirnya menentukan kualiti, ijazah ataupun pelajar-pelajar yang diluluskan, yang ditamatkan daripada pusat-pusat pengajian yang tertentu.

Dari segi kualiti program, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkembangan pada saat-saat ini amatlah - walaupun ada perkembangan yang baik, tetapi pada keseluruhannya di peringkat swasta program-program yang sedia ada adalah 'bias' kepada

arts, accounting dan commerce, kerana ini adalah lebih senang untuk dianjurkan oleh pihak-pihak swasta. Tetapi program-program berasaskan kepada sains selain daripada dua, tiga program pusat pengajian yang ada, begitu jarang sekali, kerana kita sedia maklum menganjurkan kursus-kursus yang berasaskan kepada sains ini amat sukar sekali mempunyai capital cost, dengan izin, yang besar dan juga staffing yang lebih sukar untuk didapatkan.

Jadi, dalam perkara ini kita berharaplah pihak kerajaan mengambil kira perseimbangan dari segi kursus-kursus yang dianjurkan supaya ianya dengan izin, tidak 'bias' kepada kursus-kursus yang sekadar senang dianjurkan oleh pihak swasta. Sebenarnya pada saat-saat negara kita ingin melangkah ke abad yang lebih maju, maka bidang sains dan teknologi hendaklah diutamakan. Dalam pada saat-saat ini, jenis pendidikan yang ditawarkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi di peringkat swasta sekadar sahaja memenuhi keperluan ataupun 'demand', dengan izin, dari segi program-program yang non-science, dengan izin.

Dari segi kualiti staff, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap juga seperti mana yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, ini akan dikawali dan diperiksa oleh pihak kementerian.

Saya amat kuarir kalaulah satu hari nanti semua pihak IPTS ini menganjurkan dan memberi gelaran Professor dan Associate Professor dan sebagainya di peringkat IPTS. Sebab kita kuarir adakah tahap kebolehan dan kualifikasi mereka itu berdasar kepada penggunaan gelaran-gelaran itu di peringkat institusi pengajian tinggi kerajaan. Misalnya di peringkat institusi pengajian tinggi kerajaan, untuk

menjadi pensyarah penuh ia perlukan sekurang-kurangnya Master Degree (Sarjana). Walaupun sebenarnya kita tidak harus terikat kepada ini tetapi saya percaya skim ataupun requirement dengan izin, yang tepat pada zaman ini di dalam universiti-universiti seberang laut di Commonwealth Universities ada profesor-profesor yang sekadar mempunyai ijazah pertama sahaja tetapi mereka telah keluarkan 20-30 Ph.D. Mereka telah mempunyai 50-60 penerbitan (publication) dalam profesional jurnal. Jadi, sekadar keperluan untuk menentukan Master sahaja yang boleh mengajar, saya percaya tidak harusnya itu menjadi satu ketetapan tetapi pada zaman ini bolehlah diterima.

Tetapi pada peringkat swasta nanti, kita kuarir apabila kolej-kolej ini diberi pengiktirafan untuk mengeluarkan diploma dan ijazah yang diluluskan oleh LAN, kita haruslah berjaga-jaga supaya kualiti guru-guru ataupun para pensyarah itu juga ditapis oleh pihak kerajaan supaya kualiti staf dan akhirnya kualiti program dan kualiti pelajar-pelajar yang lulus daripada institusi-institusi ini adalah dalam keadaan bukan sahaja dihormati oleh umum tetapi diterima oleh pihak-pihak majikan yang akan menerima mereka sebagai pekerja.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, soal skop program harus juga diambil kira. Kerana bukan sahaja kualiti pengajar, kualiti kursus tetapi skop program-program dan kita berpendapat bahawa dalam beberapa program khususnya program ekonomi dan termasuklah program sosial yang non-science, bahawa komponen tempatan haruslah dimasukkan di dalam kursus-kursus ini termasuklah barangkali Kajian Ekonomi Malaysia ataupun dalam bentuk sosial dari segi soal mata

pelajaran kemasyarakatan dan antropologi yang berasaskan kepada negara kita dan bukan sekadar menggunakan teori-teori ataupun mata pelajaran yang dibentuk daripada negara-negara ataupun universiti-universiti di luar negeri ataupun asing.

Jadi, relevan amatlah penting sekali iaitu relevan kepada keadaan semasa di negara kita supaya pelajar-pelajar yang mendapatkan ijazah daripada pusat-pusat ini adalah mereka yang serta-merta fasih kepada keadaan semasa sepertimana yang diminta oleh kursus-kursus yang mereka siapkan di pusat-pusat pengajian tersebut.

Selain daripada itu, kita berpendapat bahawa program-program sains juga boleh disesuaikan kepada keadaan semasa ataupun keadaan di peringkat negara kita. Mengapa mata pelajaran engineering, kita percaya yang ada kaitan dengan soal keadaan status industri di negara kita boleh dimasukkan sebagai sebahagian keperluan untuk menguruskan skim ataupun program engineering yang ditawarkan oleh beberapa pusat IPTS ini walaupun sebenarnya amat sedikit sekali pusat-pusat pengajian tinggi swasta yang menawarkan kursus-kursus yang berasaskan kepada sains.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita berharaplah bahawa Lembaga Akreditasi Negara ini dari segi komposisinya akan mengambil kira beberapa perkara dan termasuklah perkara di mana sebahagian ataupun supaya ada perwakilan daripadanya yang berasal daripada pihak swasta yang sedia fasih dari segi perkembangan industri, perkembangan ekonomi, supaya cukup fasih dari segi mengambil bahagian dalam penapisan kursus-kursus yang akan dimajukan kepada lembaga ini untuk diluluskan.

Pada masa yang sama, saya berpendapat bahawa amatlah barangkali tidak baik kalau memasukkan beberapa peribadi-peribadi yang terlibat dalam perkembangan ataupun dalam industri pendidikan kerana kemungkinan ada vested interest, khususnya kalaulah kolej-kolej beliau itu juga adalah antara mereka yang melibatkan untuk memohon akreditasi dari badan ini. Kita juga tahu bahawa kebanyakan kolej swasta ini banyak daripadanya dipengerusikan oleh bekas-bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan. Jadi, kita berharaplah dalam semua perkara ini ada transparansi dan juga perkara pilih kasih tidak timbul dari segi permohonan-permohonan yang dibuat oleh institusi-institusi lain untuk mendapatkan akreditasi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh di sini tentang kedudukan distance learning programme yang setakat ini mengikut maklumat yang didapati daripada JPA dan Jabatan Pendidikan juga, seolah-olah sebijik bola yang ditendang ke sini-sana kerana belum ada kedudukan yang muktamad. Dikatakan pada saat ini bahawa ia tidak recognise, dengan izin, kerana ia distance learning programme. Tetapi kita tahu juga beberapa profesor di Universiti Malaya mendapatkan LLB mereka melalui distance learning dari University of London.

Jadi, dalam perkara ini, kita minta ketetapan daripada pihak kementerian, adakah ini tertakluk kepada peraturan-peraturan di peringkat IPTS kerana ini dipelajari sendiri dan terus kepada universiti di luar negeri? Jadi, apakah kedudukan yang sebenar? Adakah ia recognised sebagai satu ijazah sepertimana yang diberi oleh universiti tertentu

ataupun khususnya di peringkat kerajaan ataupun bagaimana, dan adakah pemberiannya tertakluk kepada soal akreditasi lembaga ini juga?

Di dalam perkara yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kerajaan terus maju dalam bidang pendidikan ini khususnya di peringkat tertinggi seperti pemberian ijazah dan perkembangan-perkembangan di peringkat IPTS, kita berharap bahawa pihak kerajaan tidak mengabaikan tugas di peringkat bawahan, di peringkat prasekolah, di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah dan khususnya bagi negeri-negeri yang terpencil dan dalam perkara ini saya sentuh Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah sekolah di negeri Sabah yang mana pada Rancangan Malaysia Keenam, 60 buah sekolah tidak siap kerana diabaikan oleh pihak kontraktor, oleh kerana lambat disiapkan, masalah JPPS lambat untuk menjalankan penyelarasan dan soal yang seperti itu. Kita berharap bahawa ada tindakan yang muktamad dan juga yang cepat diatur kerana tidak ada gunanya dari segi kerajaan memberi RM200 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk pembinaan sekolah-sekolah di negeri Sabah kalaulah masalah yang sama timbul juga, iaitu sekolah tidak siap dan masih 60 ataupun 45 yang belum lagi dapat diselesaikan setakat ini mengikut berita yang kita terima daripada media massa.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya ingin sentuh di sini ialah soal Universiti Sabah. Ada kaitan juga dengan perkara yang dibentangkan di atas meja mesyuarat. Disebabkan telah pun diumumkan oleh kerajaan untuk meneruskan pembinaan sebuah kampus yang besar di negeri tersebut. Walaupun ini bukan soal baru, dari kerajaan Usno lagi mereka telah memohon universiti dan kampus

UKM sementara di Limau-limauan dipindahkan ke Menggatal, seterusnya apabila kerajaan Berjaya juga menyentuhkan perkara ini dan memberi 1,000 ekar untuk kampus tetap tetapi sampai sekarang belum juga ada dibina. Apabila Kerajaan Barisan Nasional memegang kerajaan negeri, mereka menjanjikan universiti sekali dan memang universiti telah pun ditubuhkan tetapi kampusnya masih juga dipinjam di kawasan Yayasan Sabah. Kita difahamkan bahawa peruntukan yang begitu besar sekali telah pun disediakan untuk projek ini tetapi sampai sekarang belum juga ada permulaan yang jelas mahupun permulaan projek tersebut dan kita bertanya bilakah kontrak itu diberi dan dimulakan. Kerana sudah pertengahan tahun 1996 dan belum juga ada lagi kerja untuk memulakan projek kampus tersebut.

Selain daripada itu, sungutan pihak negeri ialah, projek seperti ini haruslah juga diutamakan kepada kontraktor-kontraktor tempatan untuk membuatnya supaya ada peranan kontraktor-kontraktor tempatan yang layak untuk mengambil bahagian dalam projek ini kerana ini adalah satu projek yang besar dan bukan pula sekadar diberi kepada kontraktor-kontraktor luar dan ini adalah sungutan yang saya sampaikan kerana sungutan ini termasuklah daripada pemimpin-pemimpin ataupun kontraktor-kontraktor dari kalangan penyokong Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya percaya bahawa untuk satu sistem pendidikan yang adil, ia hendaklah merupakan satu sistem pendidikan yang equitable dan yang seimbang. Apabila lewat kerajaan membangunkan sektor pendidikan di peringkat tinggi, kita harap supaya kerajaan juga terus memenuhi tanggungjawabnya di peringkat bawahan. Soal sekolah di

kawasan Sungai Magandai di kawasan saya telah saya sentuh dalam Dewan ini beberapa kali dan saya menulis memo kepada pihak menteri yang berkenaan.

Mudah-mudahan ada satu tindakan yang positif sepertimana yang telah pun disentuh—murid-murid di sana seramai 1,000 lebih tidak ada sekolah yang berdekatan dan fokus yang dibuat oleh akhbar *NST* mereka duduk di atas lantai di balai-raya untuk belajar. Jadi, lewat kita memaju dan menjadikan sektor pendidikan sebagai sektor eksport tanggungjawab asas di peringkat pra sekolah dan peringkat pendidikan rendah hendaklah juga diambil kira, bahkan diteruskan ke tahap yang lebih memuaskan oleh pihak kerajaan.

Atas perkara-perkara ini dan semua keraguan yang saya sentuh, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Balik Pulau.

5.42 ptg.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara 1996.

Saya ingin memulakan dengan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Pendidikan yang mengemukakan satu lagi rang undang-undang dalam langkah reformasi pendidikan tinggi negara yang bermula dengan yang kita luluskan di sini iaitu Akta Pendidikan Tinggi, kemudiannya pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, juga Akta Majlis Pendidikan Tinggi

Negara dan seterusnya Akta Pendidikan Tinggi Swasta. Hari ini kita dibentangkan pula dengan Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara 1996.

Sebelum saya pergi ke ucapan saya yang pendek ini, saya ingin mendapat penjelasan sedikit tentang perkara yang mungkin remeh iaitu penggunaan istilah 'akreditasi' dalam penamaan rang undang-undang ini jika dibandingkan dengan istilah yang mungkin kalau saya hendak cadangkan ialah, 'pengiktirafan'. Jadi, saya ingin penjelasan apakah kesuntukan istilah 'iktiraf' berbanding dengan istilah 'akredit' sehinggakan Dewan Bahasa menjadikan perkataan 'akredit' dan juga terbitannya 'akreditasi' sebagai sesuatu yang standard dalam Bahasa Malaysia?

Saya juga dalam membaca rang undang-undang terjumpa berbagai-bagai istilah yang saya kurang faham, tetapi yang bahasa Inggeris itu telah ditimbulkan terlebih dahulu oleh rakan-rakan. Tetapi saya terjumpa satu perkataan, saya ingat ini di dalam Bahasa Melayu, tetapi saya mendedahkan kedaifan saya dengan memohon penjelasan tentang makna perkataan 'sita'.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, rang undang-undang ini adalah melengkapkan proses reformasi pendidikan tinggi dalam negara kita dan kita semua setuju di sini bahawa masanya sudah sampai untuk kita melakukan sesuatu untuk reform sistem dan juga institusi pendidikan tinggi dalam negara kita ini. Mungkin ada orang yang mengatakan sepatutnya reformasi ini telah dijalankan terlebih awal lagi memandangkan pada hari ini kita menghadapi kesuntukan yang amat sangat dari segi tempat-tempat dan peluang-peluang pengajian di peringkat tinggi.

Satu perkara yang menarik perhatian saya dalam pada kita memulakan perbahasan pada mesyuarat ketiga penggal yang lepas tentang soal pendidikan tinggi, khususnya IPT ialah kebisuan dan juga kesunyian langsung dari segi pendapat-pendapat yang diutarakan oleh masyarakat komuniti akademik dalam negara kita ini dalam pada mengambil bahagian di dalam perbahasan di forum-forum awam yang bersangkutan-paut secara langsung dengan profesion mereka sendiri.

Kita merasa pelik, kita melakukan reformasi ini yang akan mencorakkan semula sistem pendidikan tinggi dalam negara kita, tetapi komuniti akademik sunyi langsung dalam mengemukakan pandangan dan pendapat mereka tentang perkara-perkara yang hendak kita laksanakan dan perkara-perkara yang kita cadangkan mahupun di forum-forum awam dan juga misalnya dalam kes ini, sepatutnya ia mendapat perhatian daripada komuniti akademik.

Jadi, kebisuan ataupun kesunyian yang kita perhatikan daripada komuniti ini adalah membimbangkan dan sepatutnya diambil kira untuk dipertimbangkan dalam pada kita cuba untuk mewujudkan satu pusat kecemerlangan akademik dalam negara kita. Apakah kualiti dan apakah komitmen komuniti akademik terhadap profesion mereka itu sendiri, terhadap soalan pendidikan tinggi dalam negara kita ini apabila negara sedang berdepan dengan satu proses untuk mereformasikan sistem pendidikan, suara mereka tidak terdengar?

Adakah mungkin suara mereka tidak dipohon untuk didengar ataupun mereka berada dalam satu keadaan yang begitu lesu sehinggakan mereka sunyi sepi langsung untuk mengemukakan pandangan? Ini adalah satu

soal yang saya kira penting kerana dalam dua tahun ini kita berdepan dengan berbagai perubahan, mulanya dari segi pengkorporatan universiti, pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti yang saya kira merupakan pindaan yang agak significant, bukannya satu pindaan yang minor dan saya telah kemukakan pendapat saya tentang pindaan-pindaan itu—pengwujudan Majlis Pendidikan Tinggi Negara, satu pengenalan kepada satu institusi baru yang mengubah corak pengurusan dan pentadbiran akademik dalam seluruh negara.

Jadi, saya ingin mengetahui adakah begitu sunyi sekali komuniti akademik ini ataupun suara mereka tidak terdengar? Saya ingin penjelasan kerana kesunyian ini boleh menimbulkan berbagai-bagai tanda tanya di kalangan mereka yang memerhatikan komuniti akademik ini. Saya sendiri sebelum masuk ke Dewan ini adalah salah seorang daripada ahli komuniti yang tersebut dan kita rasakan terdapat berbagai-bagai pendapat di dalam komuniti tersebut dalam reformasi yang dicadangkan, tetapi kita berasa hairan kenapa tidak kedengaran suara-suara mereka dalam perbincangan dan juga perdebatan tentang reformasi yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan soal ini kerana kita merasakan melalui pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti dan juga daripada penubuhan Majlis Pendidikan Tinggi Negara, sememangnya kita nampak daripada pindaan dan juga penubuhan Majlis tadi, suara komuniti akademik secara sistematik, maknanya dari segi structure Majlis Pendidikan Tinggi Negara itu sendiri dan juga dari segi pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, khususnya dari segi komposisi Senat Universiti dan

juga perubahan Majlis Universiti kepada Lembaga dan juga komposisi Majlis Pendidikan Tinggi Negara sendiri, structurally dari segi strukturnya memang suara komuniti akademik akan kurang kedengaran dalam membentuk dasar-dasar negara, sama ada secara yang umum ataupun dalam pada menentukan jenis-jenis kursus yang boleh dijalankan dan berbagai-bagai perkara.

Saya pernah menimbulkan kerisauan saya tentang ketiadaan ataupun representation pendapat masyarakat akademik dalam pada membentuk dasar-dasar negara kerana kita rasakan bahawa mereka yang benar-benar terlibat secara langsung, sama ada di dalam proses pengajaran, penyelidikan mahupun pentadbiran universiti adalah merupakan mereka yang paling layak sebenarnya untuk mengemukakan pendapat tentang proses reformasi yang kita sedang lakukan ini.

Jadi, kebekuan yang kita nampak dan juga struktur pentadbiran IPT di masa hadapan yang kita perkenalkan, yang memang pun memberi ruang yang lebih kecil berbanding dengan keadaan sebelum itu kepada masyarakat akademik untuk mengemukakan pendapat mereka, bagi saya ini adalah satu yang membimbangkan.

Saya kadang-kadang terasa seolah-olah perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan yang dicadangkan ini dan juga pembentukan institusi yang akan mendefinisikan sistem pendidikan tinggi di masa hadapan dibentuk dengan penglibatan pendapat ahli akademik yang sangat minimum. Jadi, saya ingin meminta penjelasan mengenai perkara tersebut, kemungkinan kerana saya sendiri pun sebagai seorang yang terlibat dalam profesion itu kita kadang-kadang mempunyai idealisme yang mungkin berbeza daripada apa yang dipertimbangkan oleh orang lain.

Kita juga nampak dengan adanya perubahan yang begitu banyak, kalau tidak pun dari segi untuk mencorakkan perdebatan tentang perkara ini, sekurang-kurangnya kalaulah ada sedikit pendapat dari masyarakat akademik ini, sekurang-kurangnya kita memperolehi percambahan pendapat. Saya selalu percaya bahawa percambahan pendapat yang mungkin bertentangan akhirnya akan menghasilkan satu rumusan yang lebih baik, satu rumusan yang terhasil daripada pertukaran fikiran yang sehalu.

Berbagai-bagai perkara telah dicadangkan, antaranya pengurangan tempoh pengajian Ijazah Sarjana Muda daripada 4 tahun ke 3 tahun seperti yang telah dicadangkan. Kita nampak cadangan itu datang dari atas dan tidak mendapat banyak tindak balas daripada pihak universiti dan pentadbiran universiti dan kemudiannya cuba melaksanakan cadangan yang tersebut.

Saya tidak mempersoalkan keperluan, kita mempercepatkan mereka yang terlatih untuk masuk ke dalam pasaran buruh, tetapi apabila kita cadangkan perkara yang seperti ini, pihak universiti tidak berkata apa-apa dan terus melaksanakan cadangan itu, ia menimbulkan banyak soalan. Ia menimbulkan soalan apakah tidak ada rasional yang kukuh dan kuat; kenapakah pada awalnya tempoh pengajian itu 4 tahun, kenapakah begitu senang dan mudah sekali dipendekkan dengan hanya dicadangkan untuk dipendekkan? Ia seolah-olah mengatakan bahawa apa yang telah dilakukan selama ini 4 tahun, tidak ada rasional yang kuat, tidak ada sebab-sebab yang kukuh kerana dengan mudah sekali ianya dapat dipendekkan.

Kita juga inginkan perdebatan yang lebih, dari segi misalnya pada satu ketika dahulu hendak jadikan kokurikulum sebagai komponen rasmi di peringkat Sarjana Muda dan antara sebab kenapa tempoh pengajian itu dipanjangkan, kita kena masukkan dalam kursus-kursus kokurikulum ini yang saya ingat hanya memerlukan hampir 3 tahun pengajian untuk menghabiskannya, iaitu sekarang ini kita memendekkan tempoh pengajian, selepas itu mungkin kita sacrifice komponen-komponen kokurikulum ini. Apakah terjadi kepada konsep pengalaman pembelajaran itu sendiri sebagai sebahagian dari kelulusan? Apabila kita pendekkan tempoh pengajian, tempoh cuti ada implikasinya dari segi pengalaman pelajar itu sendiri mahupun kepada tenaga pengajar, dari segi ruang masa yang ada untuk membuat penyelidikan dan sebagainya. Jadi, perkara-perkara yang seperti ini, saya mengharapkan ada pertukaran pendapat di forum, di luar daripada Dewan ini yang mungkin boleh 'enlighten' sedikit 'the public discourse' dalam hal-hal yang sedemikian.

Saya juga terpaksa melahirkan kebimbangan saya misalnya sekarang ini dalam usaha untuk mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan, pernah saya suarakan di sini dan juga di tempat-tempat lain iaitu orientasi untuk menghalakan usaha penyelidikan kepada applied research dan juga kepada commercial oriented research. Ini adalah satu perkara yang perlu dibuat tetapi dengan berhati-hati, kerana saya adalah seorang yang mempercayai bahawa tidak mungkin mana-mana negara, tidak mungkin mana-mana penyelidik, tidak mungkin mana-mana universiti ataupun institusi

pengajian tinggi dapat menjadi satu institusi penyelidikan yang cemerlang dalam bidang 'applied' tanpa mempunyai asas yang cukup kuat dalam bidang teori dan juga penyelidikan yang asas.

Kita juga berasa kluatir dengan penekanan yang diberi kepada soal 'applied', soal 'pragmatisme', soal 'current needs' dan sebagainya. Kita takut jika kita mengabaikan nilai yang begitu mutlak iaitu nilai yang halus, yang 'rigorous', pendekatan yang berlandaskan falsafah penyelidikan yang cukup 'rigorous'. Jadi, kita takut dengan penekanan keghairahan kita ke arah 'applied research' ini kita sacrifice asas-asas falsafah penyelidikan seperti akademik 'rigour' yang saya maksudkan tadi. Ini juga berkait rapat dengan hasrat negara.

Saya bersetuju dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat penyelidikan yang cemerlang di rantau ini, tetapi sekali lagi saya melahirkan kebimbangan saya kalau kita hendak gunakan takrif industri dalam mencirikan sektor pendidikan kita ini.

Saya kurang setuju misalnya digunakan pendidikan sebagai satu komoditi, sama ada komoditi eksport ataupun sebagai satu komoditi industri kerana saya rasakan keperluan untuk kita melakukan reformasi ini adalah jelas.

Pertama, kerana sistem dan institusi pendidikan kita adalah berada pada satu tahap yang terkebelakang berbanding dengan kedudukan ekonomi kita. Prestasi kita dalam bidang ekonomi jauh melebihi prestasi kita dalam pada kita membentuk institusi pendidikan. Juga untuk kita berupaya,



bersaing di masa depan sebagai sebuah negara industri, kita perlu juga memperkukuhkan lagi institusi pendidikan tinggi kita supaya ianya dapat menghasilkan penemuan-penemuan melalui usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan. Itu semua saya setuju.

Saya juga bersetuju sebagai sebuah negara yang semakin maju, peratusan pelajar lepasan sekolah yang mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi haruslah bertambah, malah jauh lebih bertambah daripada apa yang ada sekarang. Itu semuanya rationale-rationale yang kita terima, rationale yang kita boleh jadikan sokongan untuk kita meliberalisasikan sistem pendidikan kita hari ini.

Dalam pada kita melakukan perkara tersebut secara incidentalnya kita akan dapat mengurangkan perbelanjaan negara dalam menghantar pelajar-pelajar pergi ke luar negeri kerana tidak ada tempat di dalam negeri untuk mereka belajar. Tetapi kita tidak boleh melihat tabungan yang kita boleh dapat, hasil daripada kita memperkembangkan dan memperkukuhkan sistem pendidikan kita itu, sebagai satu pulangan dalam konteks perniagaan. Kita juga mahu Malaysia menjadi pusat kecemerlangan dari segi ramai penuntut atau pelajar dari luar negeri akan datang ke negara kita dan melakukan penyelidikan. Hasil dari penyelidikan itu dan interaksi mereka dengan pelajar-pelajar dalam negeri ini, maka ianya akan menjadikan Malaysia sebagai satu pusat seperti yang terjadi sekarang ini—some of the best brains datang ke Amerika Syarikat misalnya, dan melakukan penyelidikan pada peringkat yang tinggi dan ianya memberi manfaat kepada universiti itu, juga kepada negara itu sendiri.

Tetapi itu adalah hasil, kalau kita betul-betul meningkatkan kecemerlangan akademik universiti-universiti kita. Jadi, usaha ke arah itu perlu disokong dan perlu diteruskan tetapi usaha ke arah itu harus dilihat sebagai usaha yang seperti saya katakan tadi, bukan sebagai usaha untuk import substitution ataupun untuk membentuk satu lagi komoditi untuk kita eksport. Maknanya saya mempunyai keberatan menggunakan takrif industri dalam pada kita mencirikan sektor pendidikan negara. Kita kena majukan dia, kita kena tingkatkan kecermerlangannya tetapi kita mendapat manfaat-manfaat yang sampingan tetapi kita tidak mahu menjadikan matlamat utamanya ialah untuk membentuk satu lagi sektor yang mana kita boleh berdagang seolah-olahnya.

Dalam pada masa yang sama seperti yang saya katakan tadi, saya juga agak bimbang sekarang ini sudah wujud satu budaya yang mana teori dan juga rigger telah menjadi taboo kerana kita kadang-kadang berlandaskan banyak hujah kita kepada soal pragmatik dan juga praktikal. Ini satu yang membahayakan dan ianya boleh menjadikan satu faktor yang menggagalkan usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pusat penyelidikan di peringkat tinggi. Kita lihat sekarang ini dalam universiti pun ada terdapat sedikit sacrifice dari segi akademik rigger ini kerana semuanya hendak buat ada applied research. Saya nampak begitu banyak misalnya research yang dikeluarkan, yang diterbitkan kerana ianya hendak bersifat applied kerana ianya hendak menjurus kepada satu persoalan yang penemuannya boleh mendapat publisiti yang baik, jadi, research yang dibuat itu mempunyai

landasan yang teori yang cukup teruk, penggunaan digunanya statistik yang macam-macam, gunalah komputer software yang ada dalam pasaran tetapi kita mendapat gambaran yang jelas bahawa pengguna itu tidak memahami asas-asas kaedah yang digunakannya, tetapi perkara ini berleluasa sekarang.

Jadi, saya ingin mohon Kementerian Pendidikan, Bahagian Pendidikan Tinggi khususnya supaya memberi penekanan bahawa dalam pada kita menghala ke arah mana yang kita hendak pergi ini, yang mana kita semua setuju kita hendaklah mengarah ke arah itu dengan menekankan kepada soal kecemerlangan.

Kita hendaklah menekankan kepada keutuhan kedudukan teori dalam pembelajaran. Kita bukan hendak menjadikan teori sebagai taboo, sekarang ini orang tak hendak buat teori ini macam satu benda yang jijik dan kita mahu supaya disarankan bahawa rigger kehalusan dalam membuat penyelidikan, kehalusan dalam pembelajaran dan pengajaran adalah sesuatu yang perlu. Kita tak boleh mengabaikan sacrifice perkara-perkara yang asas ini, malah kalau kita lihat permasalahan dalam istilah, dalam bahasa yang ada dalam negara kita ini, yang 'kecapaian' apa benda, yang 'endorse'—'mengendorse' dan sebagainya, ini semua kelam-kabut yang timbul. Dalam soal istilah Bahasa Melayu ini pun sendiri timbul oleh sebab pada peringkat awalnya kita tidak ada rigger dalam kita membentuk istilah, kita tidak menghalusi sebenarnya, kita tidak berlandaskan proses pembentukan istilah kepada satu landasan teori yang jelas. Jadi, ini dalam bidang bahasa linguistik, dalam bidang lain pun kalau kita tidak menjagai rigger

ini, teori ini, kita juga boleh pergi kepada keadaan yang kelam-kabut. Kalaulah orang seperti Pendita Za'aba masih hidup hari ini, ia tengok istilah-istilah yang ada dalam Bahasa Melayu sekarang ini pun, dia akan terkejut.

Jadi, perkara ini tak akan terjadi, kalau kita benar-benar jaga daripada peringkat awal sekali asas-asas teori ini. Inilah juga saya selalu memberi penekanan kepada perkara ini dalam keadaan di mana saya rasa suasana hari ini tak banyak memberi penekanan kepada soal-soal yang seperti ini.

Saya berpendapat bahawa hari ini kita bukan dalam proses keadaan hendak membentuk satu sistem pendidikan, institusi-institusi pendidikan untuk memenuhi kehendak-kehendak semasa. Kita sebenarnya dalam proses untuk membentuk satu tamadun Malaysia, untuk kita membentuk satu tamadun yakni sesuatu yang boleh meninggalkan artifek-artifek sejarah yang baik-baik dari segi institusi-institusinya nanti 1,000 tahun lagikah, kita hendaklah pasti bahawa kita meletakkan asas-asasnya berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang cukup kukuh dan asas-asas itu pun adalah asas-asas yang kukuh.

Kita tidak mahu berkompromi dari segi kualiti, dari segi konsep kecemerlangannya daripada peringkat awal lagi, kerana kalau kita berkompromi pada peringkat awal, pada peringkat kita meletakkan asas maka apabila terbentuk dan terbangunnya institusi yang kita bentuk itu maka asasnya agak kurang kuat dan ianya mudah runtuh dan ia tidak boleh berkemungkinan untuk membentuk satu tamadun seperti yang kita hendak, kita bukan sekadar melakukan perkara-perkara ini kerana kita memenuhi tuntutan semasa.

Satu lagi perkara yang saya ingin mendapat penjelasan ialah tentang Institut Pendidikan Tinggi (IPT) ini yang hendak kita bentuk, sistem dan institusinya, apakah sebenarnya konsep Institut Pendidikan Tinggi yang hendak kita wujudkan dalam negara kita. Kita tahu misalnya kita ada IPT yang dibentuk di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti dan kita nanti ada institusi-institusi yang akan dibentuk di bawah Akta IPT swasta.

Tetapi saya agak sebenarnya, kurang jelas lagi mungkin saya sendiri kurang jelas tetapi kurang jelas daripada pendidikan tinggi, institusi yang kita maksudkan ini akhirnya apabila ia telah melalui evolusinya nanti 100 tahun terkemudian daripada hari ini, macam mana hendak jadi? Adakah kita hendak jadi satu sistem macam Amerika Syarikat misalnya di mana semua orang boleh buat IPT, buat universiti, dia ada sistem buffet, ada universiti itu buffet punya universiti, ada universiti itu ala-carte, ada universiti itu nasi bungkus punya universiti dan ada universiti yang gourmet punya universiti.

Jadi, siapa juga yang hendak pergi mengaji di Amerika Syarikat hendak dapat ijazah pertama, ada universiti dan universiti ini semua diiktirafkan kerana pengiktirafan sebenarnya adalah berasaskan satu ukuran yang binary, diiktiraf atau tidak diiktiraf, ianya perlu untuk memenuhi tahap minimum. Tetapi dalam pada yang diiktirafkan itu ada yang macam gourmet punya dinner, sampailah yang nasi bungkus punya universiti.

Jadi, macam ditimbulkan oleh Ahli dari Kepong tadi, ada dia punya ivyleak dan ada juga dia punya slippery rock state university.

Jadi, adakah kita menghala ke situ dari segi evolusi pendidikan

tinggi dalam negara kita, adakah falsafah kita ialah membenarkan sesiapa juga yang berkehendakkan pendidikan tinggi boleh berpeluang untuk mendapat pendidikan tinggi.

Satu falsafah yang egalitarian, siapa juga boleh mendapat pendidikan, masing-masing cari tahapnya, masing-masing dapat dia punya ijazah pertama ataupun kita hendak pergi kepada satu konsep yang lebih elitist, hanya universiti ini adalah kepada tahap yang tertentu sahaja. Maknanya tidak semua orang, hanya sebilangan orang yang tertentu sahaja yang memenuhi kriteria-kriteria dan tahap pencapaian yang tertentu sahaja layak untuk memasuki dalam institusi tersebut dan layak akhirnya dipanggil seorang siswazah.

Jadi, itu satu konsep yang lebih elitist. Jadi, saya ingin bertanya kerana kita ingin mendapat satu gambaran daripada Kementerian arah yang kita hendak menghala ini akhirnya macam mana? Adakah kita hendak membezakan universiti dengan kolej, universiti dengan institut ataupun kita tidak ada perbezaannya langsung.

Saya merasakan perkara ini adalah juga perkara yang penting selain daripada ianya memperjelaskan falsafah pendidikan tinggi, ianya ada kaitan dengan kualiti penyelidikan dan secara langsung juga ianya juga ada kaitan dengan perbelanjaan awam kerana sekarang ini saya rasakan keperluan pasaran buruh, misalnya, hari ini banyak keperluannya adalah di peringkat latihan dan ada di peringkat yang paling tinggi iaitu sampai ke peringkat post doctorate dan sebagainya untuk tujuan penyelidikan. Tetapi hari ini kita membina banyak universiti dan semua orang menjadi siswazah, sehinggakan signal yang kita dapat daripada kelulusan itu kadang-kadang kurang jelas.

Pengalaman saya dalam dunia akademik pun, sama ada dalam temu-duga atau dalam perbualan dengan pelajar kita, kadang-kadang rasa bimbang sebab seorang boleh graduate dengan ijazah kepujian, honours degree dalam sesuatu bidang, misalnya, bidang ekonomi, tetapi dia tidak tahu apa benda, tetapi dia boleh graduate dalam bidang tersebut dan kalau pun dari segi content material dia tidak tahu apa benda, kalaulah proses pendidikan itu melahirkan seorang manusia yang boleh belajar secara bersendirian (independent) ataupun membentuk satu keperibadian yang increasitive—tidak apa juga, ini kita kadang-kadang kkuatir kerana sistem itu melahirkan, dari segi contentnya (perisiannya) pun kurang dan dari segi keperibadian sebagai seseorang siswazah yang sepatutnya terlatih—itu pun kurang. Jadi, kadang-kadang saya rasakan orang macam itu adakah lebih baik kita jangan pura-pura, kita latih sahajalah mereka ini, kita bukan hendak didik dia, dia beri dia kemahiran, kita beri dia keupayaan kemahiran vokasional yang membolehkan dia masuk ke dalam pasaran buruh dan mendapat pekerjaan dan pendapatan yang membolehkan dia menyumbang kepada negara. Dan ada orang pula kita kata, orang macam ini kita hendak didik dia, maknanya kita mempunyai objektif yang lebih luas, tetapi apabila saya fikir macam itu, saya rasa ia satu falsafah yang elitis pula, jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mungkin boleh menyelesaikan masalah kerungsingan yang saya ada sendiri dan kekaburan dalam tafsiran saya tentang apakah jenis pendidikan tinggi yang kita hendak ketengahkan melalui kedua-dua sumber, IPT (Awam) dan IPT (Swasta).

Akhirnya, sebelum saya pergi kepada Rang Undang-undang itu sendiri, Rang Undang-undang pengiktirafan ini—saya telah meneliti Rang Undang-undang ini dan sebelum saya pergi kepada perbincangan khusus tentang ini, saya merasakan kita sudah sampai kepada satu peringkat apabila kita lulus Akta Pendidikan 1996, itu hari, yang menggantikan Akta Pendidikan 1961, dan kemudiannya kita membentuk Majlis Pendidikan Tinggi Negara dan kita kemudiannya meluluskan Akta IPT Swasta, maka kita telah bersetuju secara kolektif dan kita bersetuju dengan satu keyakinan bahawa inilah caranya untuk kita menyelesaikan dan masalah yang kita ada dan juga inilah caranya untuk kita mencapai matlamat-matlamat yang kita nyatakan. Maknanya, terlulusnya keempat-empat akta yang saya sebutkan tadi, termasuklah pindaan kepada AUKU, maka kita telah membuka satu pintu. Seolah-oleh, macam seorang bapa hendak melepaskan anaknya keluar dari rumah, jadi, ini memerlukan satu keyakinan yang cukup tinggi, kerana anak yang hendak dilepaskan itu adalah berada di luar kawalannya dan terdedah kepada pelbagai pilihan yang boleh dibuat oleh anak itu tadi.

Oleh sebab yang demikian, oleh sebab kita berada pada satu tahap di mana kita sudah ambil keputusan itu, kita sudah setuju hendak membuat keputusan itu dan kita tidak perlu lagi membincangkan tentang adakah patut kita membuat keputusan, adakah masanya tiba untuk kita buka pintu itu—kita sudah melepasi tahap itu, sekarang ini kita kena lepas. Jadi, bila kita kena lepas, macam seorang bapa, bila kita kena lepas anak kita keluar, duduk di luar, jadi, saya harap, janganlah pula kita, sebagai menggantikan kehadiran kita,

kita appoint pula seorang yang lain untuk mengawasi anak kita setiap masa. Jadi, walaupun kita melepaskan anak kita untuk duduk di luar, kita menggunakan perkhidmatan detektif pula sepenuh masa untuk mengawasi pergerakan dia di setiap masa. Jadi, pada zahirnya tidak ada perubahan dari segi efektifnya, kalau kita buat macam itu.

Saya berkata begitu, sebab, apabila saya baca dari muka ke muka Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi ini, kadang-kadang saya terasa ianya begitu banyak dari segi perbincangan. Tidak banyak kepada fungsinya, tetapi banyak kepada penguatkuasaannya. Penguatkuasaan kepada skim perkhidmatan itu tidak apalah, tetapi dari segi penguatkuasaannya. Saya percaya bahawa pengiktirafan itu bukan satu penguatkuasaan. Pengiktirafan adalah satu pendapat yang dikemukakan, yang mengatakan bahawa sesuatu institusi itu sudah memenuhi syarat minimum dan oleh yang demikian yang mengiktirafkan dia dan satu institusi tidak memenuhi syarat minimum itu, maka saya tidak mengiktirafkan dia. Jadi, dia berdasarkan satu ukuran yang binary—ya ataupun tidak. Pengiktirafan yang sedemikian pada fahaman saya bukanlah satu penguatkuasaan, malah, hukuman yang paling kuat yang boleh dibuat oleh satu-satu badan pengiktirafan seperti LAN ini ke atas mana-mana institusi ialah ia tidak diiktiraf. Apabila LAN tidak mengiktiraf mana-mana institusi, ianya merupakan satu hukuman yang sudah cukup kuat. Maka, tanggungjawab, jika institusi itu menghendakkan pengiktirafan, dialah juga yang kena mengikut syarat-syarat yang dikehendaki.

Jadi, itu satu lagi perkara yang saya ingin timbulkan, kerana saya kurang jelas adakah LAN ini akan

menjadi satu badan pengiktirafan seperti yang saya tafsirkan ataupun ia hendak menjadi satu badan penguatkuasaan. Kalau misalnya, satu-satu badan memohon kepada pendaftar di bawah kuasa yang di beri kepada IPT Swasta untuk menubuhkan satu IPTS, maka di tubuhkan IPT tersebut, maka adakah pada tahap itu mandatory ke atas institusi itu supaya kesemua programnya mendapat pengiktirafan LAN. Jika pada tahap itu, institusi-institusi tersebut tidak mandatory untuk mendapat pengiktirafan LAN, maka fungsi LAN ialah sesudah institusi itu beroperasi, LAN akan menilai jika dipohon oleh institusi tersebut sama ada ianya memenuhi syarat minimum LAN dan kalau tidak, LAN kata saya tidak mengiktirafkan program ini ataupun ijazah ini dan sebagainya, kalau ya, dikatakan dia mengiktirafkan. Jadi, pengiktirafan dalam konteks ini saya juga ingin penjelasan kerana saya agak kabur dari segi itu adakah mandatory? Kalau mandatory, ia ada penguatkuasaan dan kalau ia bukan mandatory, maka dia tidak soal penguatkuasaan, hukumannya ialah pihak ini tidak mendapat pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan juga adalah satu konsep yang relatif sebenarnya dan bukan satu konsep yang mutlak. Satu-satu badan boleh mengiktirafkan satu-satu institusi. Ini terpulanglah kepada pihak yang ketiga sama ada badan yang diiktiraf itu mempunyai nilai ataupun tidak. Kalau ia tidak mempunyai nilai kepada sasaran yang hendak menerima pengiktirafan itu, maka pengiktirafan itu tidak membawa apa-apa makna. Pengiktirafan juga suatu yang bukan dibuat dalam satu kelompangan, ia ada kaitannya dengan badan-badan yang lain dan pengiktirafan yang terakhir sebenarnya adalah pengiktirafan yang

dibuat oleh pasaran buruh. Apabila majikan yang mengiktiraf, maka itu adalah pengiktirafan yang paling mutlak. Kepong kata tadi, kalau program TAR, misalnya, tidak diiktirafkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, dari segi effectively, apa dia punya kesan, jika majikan mengiktirafkan kelulusan tersebut? Jadi, akhirnya pengiktirafan ini bergantung kepada majikan ataupun pasaran sendiri. Kalau kita kata kita tidak iktiraf ijazah itu, tetapi majikan mengiktirafkannya maka ia sudah iktiraf juga.

**Datuk Dr Fong Chan Onn:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Saya minta penjelasan sedikit sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak Ahli Yang Berhormat dari Kepong sudah silap. Sebenarnya ada banyak kursus diploma atau sijil yang dikeluarkan kolej TAR sudah pun diiktiraf.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau):** Saya setuju sebab kadang-kadang pengiktirafan pun selain dari pengiktirafan ialah pengiktirafan oleh majikan. Pengiktirafan sebenarnya dilakukan juga secara tidak langsung oleh badan-badan profesional. Kalau kita melakukan, apa ni kita tak iktiraf, kita iktirafkah ke tapi ada satu badan profesional katakan kursus perakaunan yang diiktiraf oleh mana-mana badan profesional di luar, jadi itu satu pengiktirafan juga.

Jadi dalam konteks pengiktirafan ini juga sebenarnya saya menimbulkan soal pengiktirafan ini semasa perbahasan Majlis-majlis Pendidikan

Tinggi Negara bahawa perlunya ada satu mekanisme untuk mengiktirafkan IPT swasta ini. Tapi pada masa saya kemukakan pendapat tersebut saya tidak terfikir akan terbentuk satu entity yang macam LAN ini. Saya pada ketika itu ingatkan bahawa kuasa pengiktirafan ini boleh diselitkan di bawah Majlis Pendidikan Tinggi Negara sebagai salah satu dari fungsinya tanpa kita perlu mewujudkan satu lagi entity seperti yang kita cadangkan ini. Tetapi kita sudah buat keputusan untuk mewujudkan entity ini tak apa juga tinggal lagi saya ingin menyarankan bahawa saya berharap dalam hal pengiktirafan ini apabila kita sedar bahawa pengiktirafan ini bukanlah satu yang absolute dan tidak boleh dilakukan dalam satu keadaan yang vacuum ianya hendaklah ada kaitan, badan-badan pengiktiraf ini pun kena iktiraf pula. The even the accrediting bodies have been rank.

Jadi saya ingin pengiktirafan ini supaya melibatkan pertubuhan-pertubuhan dan juga pertubuhan-pertubuhan akademik dan juga badan-badan profesional dalam proses pengiktirafan ini. Sebenarnya mereka-lah yang merupakan entity yang sebenarnya kata pengiktirafan itu adalah agak membawa makna misalnya kalau satu-satu ijazah kejuruteraan yang Institut Engineer Malaysia merasa tak ada standard maka tak ada standard juga. Jadi pendapat Institut Engineer Malaysia adalah perlu dalam pada pengiktirafan ijazah kejuruteraan misalnya. Pendapat Malaysian Medical Association perlu dalam pengiktirafan Ijazah Perubatan. Ijazah Statistik misalnya memerlukan pengiktirafan dari Institut Statistik Malaysia dan badan-badan akademik lain misalnya Persatuan Ekonomi Malaysia sepatutnya memainkan peranan yang lebih aktif dalam proses pendidikan dan seterusnya dalam proses pengiktirafan ini.

Ada macam-macam Persatuan Psikologi Malaysia, persatuan ini macam-macam persatuan yang berkaitan dengan bidang-bidang pengkhususan pengajaran perundangan yang sepatutnya memainkan peranan yang penting dalam proses pengiktirafan ini. Dan saya berharap kelak nanti Lembaga Akreditasi ini tak jadi macam satu birokrasi yang besar yang menjadi penghalang yang membuat keputusannya secara tersendiri dan tak mengambil kira pandangan-pandangan pertubuhan-pertubuhan yang saya maksudkan tadi. Kerana kalau ikut saya, saya lebih suka badan-badan ini yang sebenarnya memainkan peranan pengiktirafan yang lebih aktif. Mungkin sekarang mereka tidak memberi perhatian yang cukup pada soal-soal pendidikan dan soal-soal pengiktirafan. Dan kita berharap dan kita menyeru kepada pertubuhan ini supaya mewujudkan education am dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam soal-soal pendidikan secara umum dan soal-soal pengiktirafan secara khusus.

Tuan Yang di-Pertua, itulah antara beberapa persoalan yang saya ada tentang Lembaga Akreditasi Negara ini, saya kemukakan pandangan ini dengan harapan untuk mendapat penjelasan supaya kelak apabila terlaksananya semua Rang Undang-undang ini yang akan membentuk sistem institusi pendidikan tinggi dalam negara kita ini maka akan terhasillah satu pendidikan tinggi yang benar-benar cemerlang yang berteraskan falsafah dan konsep kecemerlangan yang jelas dan berkemungkinan berkemampuan untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Kita sebenarnya menyokong segala usaha kementerian dan kerajaan untuk mencapai matlamat ini kerana seperti yang dikatakan, ditimbulkan oleh Tanjong pun dan Parit Sulong dan Rompin kita merasa sedih kerana sekarang ini peluang untuk melanjutkan pelajaran begitu berkurangan dan bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk pergi ke luar negeri ataupun masuk ke IPT swasta langsung tidak ada peluang untuk melanjutkan pelajaran.

Dalam konteks negara semakin menjadi sebuah negara sebuah ekonomi yang berteraskan knowledge maka setiap tahun kita melaburkan dalam mendapatkan pendidikan dan latihan, pulangnya adalah cukup tinggi. Oleh sebab itulah kita juga hendakkan penjelasan tadi tentang pengasingan di antara latihan dan juga pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Parit Sulong mengenai virtual universiti itu satu cadangan yang menarik. Saya ingin memberi sedikit sahaja komen tentang perkara itu. Saya rasakan ianya satu cara untuk memperluaskan peluang-peluang pendidikan tapi saya harap ianya dilakukan pada tahap-tahap yang tertentu sahaja dan tidaklah dilakukan pada kesemua tahap. Saya rasa kalau bidang-bidang pengajian yang tertentu ianya boleh dilaksanakan mungkin pada tahap siswazah mungkin boleh dilakukan daripada tahap ijazah pertama mungkin kurang boleh dilakukan. Saya sendiri semasa menyiapkan disertasi saya, mempunyai hubungan dengan Profesor saya melalui E-Mail dan kita lawan asyik download apa benda untuk mendapatkan feedback melalui proses yang tersebut. Jadi saya harap ini satu cadangan yang radical tapi....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddib):** Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Timbalan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya nampak point-point dia habis dah. Kerana itu dorongan dan usikan dari parit yang sulung dia.... Saya ada banyak cadangan untuk disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini. Tolonglah habiskan ucapannya.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Itulah bukan soalan. (*Ketawa*)

**Seorang Ahli:** Gulung, Yang Berhormat, gulung sampai habis.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau):** Apa ni, tadi saya ingat dia nak minta penjelasan tentang virtual universiti atau konsep pengiktirafan virtual university. Jadi saya cuma nak komen.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat masa sudah cukup, kalau nak sambung boleh sambung besok. Minta seorang mencadangkan usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### KESESAKAN SERIUS LALU LINTAS AKIBAT JAMBATAN TERBENGKALAI DI BATU 4, JALAN KELANG LAMA

6.31 ptg.

**Liew Ah Kim (Seputeh):** Tuan Yang di-Pertua, lebih satu tahun jambatan yang menghubungi Jalan Klang Lama dan Kuala Lumpur iaitu di Batu 4, tidak diperbaiki bermakna sudah lebih satu tahun juga pengguna jalan raya menghadapi kesesakan dan lalu lintas yang teruk. Jambatan ini roboh akibat hakisan tanah setelah pelaksanaan projek tebatan mencegah banjir di sepanjang Sungai Kerayong dijalankan. Kesesakan lalu lintas pintas yang teruk ini memang merbahaya kepada keselamatan pengguna-pengguna jalan raya terutama apabila mereka perlu untuk cepat ke pejabat di sebelah pagi dan balik ke rumah pada sebelah petang. Kenapa pembinaan semula jambatan ini mengambil masa yang lama iaitu semenjak sebelum pilihanraya April tahun 95 dan hanya satu minggu lalu saya melawat ke tempat ini baru pembinaan dimulakan?

Pembinaan serta merta jambatan ini hanya setelah saya kemukakan ucapan penangguhan ini ke Dewan yang mulia ini menunjukkan sikap tidak prihatin DBKL terhadap masalah kesesakan dan kesulitan orang ramai.

Adakah kerajaan dan DBKL tidak peka dengan masalah dengan kesesakan lalulintas yang memakan



lebih satu tahun di Jalan Klang Lama? Apa yang penting sekarang ialah pembinaan jambatan ini perlulah disiapkan segera, bukan terpaksa menunggu satu tahun lagi. Dalam masa kerja-kerja membina jambatan ini dibuat sudah tentu masalah kesesakan lalu lintas masih menjadi kebimbangan yang berterusan kepada pengguna-pengguna jalan raya dan penduduk-penduduk di sini.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk dan pengguna-pengguna jalan raya yang setiap hari melalui jalan melintasi jambatan ini di Batu 4, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur ini sudah terlalu lama menanggung masalah kesesakan lalu lintas. Saya sendiri sudah membuat tinjauan ke sini melihat kesesakan lalu lintas. Saya sendiri membuat tinjauan di sini bagi memastikan sama ada rungutan-rungutan penduduk-penduduk dan pengguna-pengguna jalan raya ini benar atau tidak. Saya melihat sendiri kesesakan lalu lintas apabila sampai di situ pada pukul 7.00 pagi dan kebanyakan pengguna jalan raya merungut tentang keadaan yang tidak selesa itu. Mereka bukan sahaja lambat sampai ke pejabat atau di tempat kerja malah terperangkap dalam keadaan kesesakan lalu lintas sebab jambatan yang masih dalam pembinaan dan terpaksa menggunakan sebelah jambatan sahaja yang menyebabkan lebih sempit.

Oleh itu, saya mencabar Menteri di Jabatan Perdana Menteri atau Datuk Bandar, Kuala Lumpur melihat sendiri keadaan kesesakan lalu lintas di jambatan Batu 4, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur ini dan sedia untuk ikut sama pada bila-bila tarikh sahaja yang ditetapkan. Y.B. Menteri berkenaan atau Datuk Bandar boleh beritahu tarikh yang sesuai dan saya akan menunggu beliau di jambatan berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat ada yang bangun.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, nampak kurang korum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Setiausaha sila kira.

**Loceng dibunyikan.**

*(Ahli-ahli dikira: Kurang daripada 26 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nampaknya tidak dapat tambahan mengikut peraturan mesyuarat kita tidak boleh teruskan mesyuarat pada hari ini, kerana tidak cukup korum. Maka Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.32 petang.*